

BAB TIGA
TEMA : ALAM EMOSI

Salah satu tema kesusasteraan yang dihasilkan oleh penulis wanita ialah kehidupan berteraskan kasih sayang. Hampir semua penulis wanita di dunia ini suka menulis kisah yang berkaitan dengan emosi; lebih-lebih lagi tentang cinta.¹ Selain itu, mereka juga menulis kisah tentang persahabatan, hubungan kekeluargaan, dan hubungan manusia dengan makhluk-makhluk lain di dunia.

Kajian Meng Yue (孟悅) dan Dai Jinhua (戴錦華) tentang tema penulisan penulis-penulis wanita China Gerakan 4 Mei, menunjukkan kesemua tema karya mereka melibatkan perasaan kasih sayang. Kasih sayang merupakan pegangan jiwa yang diwarisi oleh mereka.² Menurut Meng Yue dan Dai Jinhua, penulis-penulis lelaki lebih mementingkan pencapaian cita-cita masyarakat dan bangsa, iaitu mencari Utopia sosial dan politik. Bagi penulis-penulis wanita pula, mereka lebih mengutamakan kasih sayang, iaitu mencari kesempurnaan kasih.³ Keadaan ini bukan sahaja wujud dalam arena kesusasteraan China pada masa itu, malah juga dalam kesusasteraan di Malaysia sepanjang tahun 50 - 70-an. Penulis wanita Melayu dan penulis wanita Mahua kebanyakannya mencari ilham daripada kasih sayang,

seperti kasih sayang antara suami isteri, pasangan kekasih, dan kasih persaudaraan. Sebaliknya, penulis lelaki pula lebih berminat kepada kritikan sosial dan politik, sejarah dan peperangan.⁴

Memang ada teori yang mengatakan bahawa kaum wanita mempunyai sifat semula jadi yang prihatin dan menunjukkan sifat penyayang terhadap alam persekitarannya. Setakat ini, teori ini masih dipertikaikan.⁵ Namun, para ahli psikologi, baik dari Barat mahupun dari Timur, memang mengakui bahawa sistem kebudayaan dan pengaruh sifat keibuan telah menjadikan wanita mempunyai sifat-sifat istimewa seperti lemah-lembut, bertimbang rasa dan mempunyai kecenderungan menyesuaikan diri dan berkorban demi memenuhi keperluan orang lain.⁶ Ahli psikologi dari Amerika, Carol Gilligan dalam bukunya, In A Different Voice yang mengkaji psikologi wanita telah menyangkal pandangan Freud bahawa "lelaki lebih bermoral dan adil daripada wanita."⁷ Gilligan mengakui bahawa lelaki dan wanita memang mempunyai konsep yang berbeza terhadap moral, iaitu lelaki cenderung kepada prinsip keadilan (morality of rights) manakala wanita mementingkan tanggungjawab. Oleh sebab perbezaan konsep ini, kita tidak dapat menentukan kesahihan mana-mana pihak. Namun, sifat istimewa wanita yang prihatin terhadap orang lain, tidak suka menyenggung perasaan orang lain

dan sanggup memberi kasih sayang kepada orang lain di sekelilingnya memang suatu sifat yang amat murni.⁸ Kajian Gilligan telah mengesahkan sifat istimewa wanita yang penyayang itu. Oleh itu, memanglah munasabah sifat istimewa ini telah diketengahkan oleh penulis wanita sebagai tema karya mereka.

Cerpen bertemakan kasih sayang banyak sekali melibatkan percintaan. Lord Byron pernah mengatakan bahawa "Man's love is of man's life a thing a part, 'Tis women's whole existence". Seperti kata Simone de Beauvoir,

Men have found it impossible to be passionate lovers at certain times in their lives, but . . . in their most violent transports, they never abdicate completely; . . . at the very heart of their lives they remain sovereign subjects; the beloved woman is only one value among others; they wish to integrate her into their existence and not to squander it entirely on her. For women, on the contrary, to love is to relinquish everything for the benefit of a master.⁹

Sejak dahulu, wanita amat mementingkan perkahwinan dalam hidup mereka. Namun, perkahwinan mereka pada masa dahulu tidak berasaskan cinta, tetapi diatur oleh orang tengah. Oleh yang demikian, dengan

sifat mereka yang penyayang itu, mereka mengharapkan balasan yang setimpal daripada suami mereka. Dalam abad ke - 20 ini, amalan cinta bebas telah mempengaruhi seluruh dunia. Wanita semakin berharap dengan cinta sebagai asas, mereka dapat hidup bersama-sama suami mereka dengan sempurna. Dalam keadaan begini, cinta memang mempunyai kedudukan yang mulia dalam hati wanita.

Simone de Beauvoir berpendapat bahawa bagi wanita, "Love becomes for her a religion".¹⁰ Zhong Ling, seorang sarjana sastera dari Taiwan, telah membuat kajian bandingan mengenai puisi yang ditulis oleh penyair-penyair wanita Taiwan. Menurut Zhong Ling,

Penyair wanita telah mencipta puisi mengenai tanggapan mereka terhadap cinta mengikut tahap hidup mereka yang berbeza. Oleh sebab mereka mempunyai sifat semulajadi, pengalaman hidup dan latar belakang yang tidak sama ,sikap mereka dalam soal cinta juga adalah berbeza. Karya-karya mereka secara keseluruhannya boleh dibahagikan kepada dua jenis yang amat berbeza. Satu jenis mempunyai sentimen yang romantik terhadap cinta yang ideal manakala yang lain mengungkapkan kesengsaraan yang dibawa oleh cinta.¹¹

Zhong Ling telah membahagikan pandangan penyair-penyair wanita Taiwan mengenai cinta kepada dua

jenis. Dalam karya-karya penulis Melayu dan penulis Mahua mengenai kisah cinta, kita pula boleh membahagikannya kepada lima jenis ialah cinta yang romantik, kehancuran cinta, cinta yang tidak kesampaian, kasih sayang suami isteri dan keghairahan cinta.

3.1. PERCINTAAN YANG ROMANTIK

Semasa penulis Taiwan, Zhongling menghuraikan tradisi penyair wanita Taiwan, beliau pernah membuat penggolongan terhadap sebahagian puisi penyair wanita yang mempunyai unsur "kisah cinta yang suci dan murni". Kebanyakan karya ini adalah dicipta oleh penyair pada usia remaja, iaitu selepas mereka mempunyai pengalaman bercinta yang mendalam dan murni. Oleh sebab karyanya ini mengisahkan perasaan kasih sayang yang ikhlas dan hebat, selalunya puisi-puisi tersebut akan meninggalkan kesan yang mendalam di hati pembaca.¹²

Dalam cereka yang ditulis oleh penulis-penulis wanita Malaysia, unsur seperti ini juga sering wujud. Mereka telah berusaha sedaya upaya untuk menggambarkan setiap watak utama wanitanya yang penuh dengan angan-angan dan memegang teguh terhadap percintaan. Antara watak-watak wanita ini, ada yang

dapat menikmati kemanisan alam percintaan yang akhirnya membawa pasangan kekasih itu ke arah kebahagiaan hidup yang berkekalan. Sebaliknya terdapat juga sebahagiannya yang mengejar percintaan suci dengan bersungguh-sungguh, tetapi oleh sebab wujud pihak lain yang tidak matang, tidak jujur ataupun latar belakang keluarganya yang tidak sepadan, mereka akhirnya telah menemui tragedi dalam percintaan. Walau bagaimanapun, tidak kira bagaimana akibatnya atau teknik yang digunakan oleh penulis wanita, sebagai pembaca, kita dapat merasai bahawa penulis amat mengambil berat terhadap unsur percintaan yang suci dan murni ini.

Penulis wanita Mahua juga suka akan kisah percintaan yang murni. Kebanyakan mereka menyentuh perkara seperti ini dalam karya mereka, terutamanya bagi mereka yang mula-mula menjejakkan kaki dalam lapangan kesusasteraan. Ketika usia mereka masih muda, selalunya mereka akan mencurahkan pandangan, perasaan dan pengalaman diri mengenai percintaan dalam karyakarya mereka agar dapat berkongsi pengalaman dengan pembacanya. Hati wanita lebih halus dan penuh dengan perasaan. Jika mereka terlibat dalam percintaan, perasaan dilamun cinta itu sukar dipisahkan dalam penulisan mereka. Penulis wanita yang bernama Zhao Shuxia (趙淑俠) dalam karyanya Cinta Sasterawan

Wanita (文学女人的情关) telah menulis seperti yang berikut:

... wanita yang berjinak dengan sastera . . . bukan sahaja mengalami gelora hati yang lebih kencang daripada orang biasa malah perasaan dan daya khayalan yang luas pula tiada tolok bandingnya. Bagi mereka, percintaan adalah benda yang terpenting dalam kehidupan untuk selama-lamanya . . . Mereka ingin akan kasih sayang dan dicintai orang lain, dan meletakkan tahap yang amat tinggi dalam soal ini, iaitu percintaan tersebut mestilah kekal abadi dan mulia.¹³

Kajian dan huraian yang dibuat oleh Zhao Shuxia mendapat sokongan daripada banyak penulis wanita. Salah seorang penulis yang mencerminkan pandangan Zhao dalam karya-karyanya ialah Fang Ezhen (方玆真).

Fang Ezhen seorang penulis wanita Mahua yang amat berbakat. Sajaknya dalam bidang sastera Tionghoa, sama ada di Hong Kong, Taiwan, Singapura atau di Malaysia mendapat penilaian yang amat tinggi di kalangan pembaca. Karya prosanya juga segar dan menyeronokkan apabila dibaca. Karyanya yang hampir menyerupai autobiografi yang berjudul Usia Masih Muda (日少正当少女)¹⁴ menceritakan perasaan batin seorang gadis semasa bercinta. Dalam karyanya, beliau menggambarkan

pengorbanan seorang gadis tanpa syarat. Gadis itu menganggap "kekasihnya" sebagai pusat dalam dunianya, malah boleh hidup atau mati kerana "nya", serta mempunyai perasaan yang begitu halus terhadap kekasihnya. Beberapa ayat yang menarik dalam bukunya adalah seperti yang berikut:

"Aku mesti jatuh cinta semasa berusia 15 tahun. Jika dalam hatiku terdapat rahsia, ingin aku mencurahkan segala rahsia hatiku kepada dia sahaja" (hlm. 33).

"Aku berharap ada seorang kekasih yang menemaniku mendaki hingga ke puncak gunung . . . Aku ingin memberitahunya bahawa aku amat takut semasa seorang diri. Pada masa yang akan datang, tidak kira ke mana dia merantau, aku tetap bersama-sama dengannya. (hlm. 6).

"Baru sahaja berpisah sudah aku merinduinya. Entah kenapa setiap masa aku asyik berangan-angan, mudah berasa lemah-lembut dan kadang kala pula tidak dapat menahan diri lalu ketawa sendiri. Rasa cinta seperti ini amat kusukai." (hlm. 81).

"Kalau berpisah denganmu, hidup masa depanku menjadi tidak maju, seperti langit yang berat jatuh ke bumi. Adakah aku ini hidup semata-mata untuk cinta? Kalau begitu aku lebih rela mati kerana cinta." (hlm. 79).

"Aku ingin meluahkan perasaanku kepadanya, kerana itulah kata-kata

hatiku dan impianku yang paling benar. Aku tidak rela menyimpan kata-kata itu dalam hatiku sahaja. Aku akan mengungkapkannya kepada dunia." (hlm. 132).

Ayat-ayat yang sarat dengan perasaan dan meletakkan kekasih dalam kedudukan yang paling penting, dapat dilihat dengan mudah dalam buku tersebut. Sebelum tahun 1982, *tidak ada cerpen Fang Ezhen tersiar*, tetapi sajak dan prosanya yang mempunyai bilangan yang banyak itu hampir semuanya bertemakan cinta.

Perasaan gadis yang murni seperti yang ditunjukkan oleh Fang Ezhen ini juga sering dikemukakan dalam antologi cerpen Lin Yuesi (Duola) yang berjudul Bertanya Tentang Cinta. Lin Yuesi mula berkecimpung dalam bidang penulisan sejak tahun 60-an, dan pada awal tahun 90-an beliau mencapai zaman kegemilangannya, khususnya dalam cerpennya kerana kualiti dan kuantitinya telah mencapai tahap yang tinggi. Pada tahun 90-an, beliau telah mengumpulkan cerpen-cerpen beliau dalam sebuah antologi yang berjudul 19 Persembahan Cerita Cinta (十九場愛情演出)¹⁵. Beliau juga telah banyak menulis cerpen yang bertemakan percintaan dalam surat khabar. Akan tetapi, semasa menulis Bertanya Tentang Cinta, usia beliau masih muda dan teknik yang digunakan oleh beliau boleh dikatakan

kurang memuaskan, tetapi perasaan murninya yang terdapat di sebalik ayat-ayat penulisan beliau itu amat menarik hati. Beliau adalah seperti apa yang dikatakan oleh suaminya, Xiaohei 小黑 dalam pendahuluan bukunya itu, iaitu: "Isteriku mempunyai kegemaran seperti kebanyakan wanita. Dia mengejar percintaan yang romantik, mempersoalkan percintaan, dan ~~Setia~~ , teguh dalam percintaan."¹⁰ Oleh sebab keteguhannya, dia telah menulis dengan begitu serius. Namun, sebagai seorang gadis yang mengejar percintaan dia telah pun mengalami perubahan dari masa bercinta sehingga menjadi seorang isteri dan ibu. Dengan perkataan lain, ini adalah pengalaman dari alam romantik ke alam nyata. Kesemua ini telah diterapkan dalam cerita-ceritanya.

Penulis lain yang pakar dalam menggambarkan percintaan ialah Chen Die (陈蝶). Dari banyak segi, beliau adalah hampir sama dengan Fang Ezhen. Mereka mewarisi perwatakan klasik penulis wanita Cina yang jati, serta mempunyai perasaan yang romantik. Mungkin disebabkan oleh perasaan hatinya, kadangkala karya-karya Chen Die juga membawa unsur-unsur kesunyian dan kekosongan.

Dalam prosa Chen Die pada tahun 70-an, terdapat banyak ayat yang membayangkan begitu dalam dan seksanya perasaan yang dicurahkan demi percintaan.

Dalam "Ketika Piala Diperedarkan Ribuan Orang" (杯傳
千盞) beliau telah menulis seperti yang berikut:

Aku pernah mengatakan percintaan yang ingin kukejar mestilah seperti matahari di gurun pada waktu senja, cantik, hangat dalam penderitaan. Kekasihku pasti seorang pemuzik yang handal, membawa aku mendaki gunung tinggi dan mengharungi air deras dengan simfoninya sehingga menjadi bermakna, meninggalkan kenangan yang manis. Boleh kau katakan cinta aku tidak sempurna? Percintaan siapa pula pernah sempurna?¹⁷

Dalam "Wira di Tengah Alam Duniawi" (英雄半在紅塵中), beliau juga berkata: "Jika aku ada pilihan dalam hidupku, aku akan memilih agama dan percintaan".¹⁸ Chen Die banyak membaca buku-buku sajak, membincangkan dhyana dan mempelajari ajaran Buddha. Tetapi, bagi seorang wanita, percintaan masih juga merupakan unsur yang paling penting dalam hidup. Orang yang dikasihi adalah orang yang merupakan "wira yang kekal dalam hati", yang membawa kegembiraan kepadanya, di samping membawa penderitaan kepadanya. Ayatnya, "bercinta dalam alam yang penuh dengan cabaran dan ketakutan, berpeluk dalam keadaan yang cemas, tergila-gila menolak dan juga tergila-gila menerima"¹⁹ telah menggambarkan alam percintaan. Ini semua merupakan pentafsiran yang paling baik, yang boleh diibaratkan oleh wanita moden sebagai percintaan yang murni.

Percintaan membawa kegembiraan dan juga penderitaan. Tetapi, kaum wanita masih ghairah terhadapnya, khususnya gadis-gadis berusia 17 tahun yang baru pertama kali terlibat dalam soal percintaan. Mereka mempunyai keghairahan yang amat sangat terhadap percintaan yang penuh dengan keanehan dan juga perasaan yang sukar diketahui apa lagi untuk difahami. Setelah mereka mendapat pengaruh daripada televisyen, wayang gambar, buku dan majalah, mereka menjadi lebih berminat dalam percintaan dan ingin mencubanya. Asalkan ada seorang lelaki muncul pada masa dan tempat yang sesuai, orang itu dengan secara tidak langsung akan menjadi imej yang ideal baginya serta tempat menaruh harapan bagi keseluruhan jiwanya. Memang terdapat cerpen dan novel yang meletakkan cinta sebagai titik pusat dalam temanya. Misalnya karya Adibah Amin yang berjudul "Peristiwa Hujan Gerimis"²⁰ dan Seroja Masih Di Kolam. Kedua-dua karya ini adalah cerita yang menggambarkan perasaan gadis dalam percintaan.

Karya Adibah Amin "Peristiwa Hujan Gerimis" merupakan sebuah cerpen terbaik dalam menggambarkan percintaan seorang gadis. Hanim ialah seorang gadis berumur 15 tahun. Ibunya mati awal dan bapanya pula bekerja di luar sepanjang tahun. Ini telah menyebabkan sifatnya matang lebih awal dan berminat dalam bidang

kesusasteraan serta terpikat kepada seorang penulis. Pada suatu hari, dalam perjalanananya ke sekolah, hujan turun dengan lebatnya. Hanim telah lalu di hadapan rumah penulis yang kebetulan sedang menutup tingkap rumahnya. Apabila penulis itu melihat Hanim berada dalam hujan lebat itu, dia telah mengajak Hanim masuk ke rumahnya sementara menunggu hujan berhenti. Mereka berdua berbual-bual dengan mesra, tetapi mereka juga mendapati terdapat jurang perbezaan yang nyata antara mereka yang tidak dapat diatasi. Apabila hujan sudah berhenti, perasaan cinta Hanim terhadap penulis itu juga berakhir. Hanim sudah besar dan matang dalam sekelip mata sahaja.

Diana, watak wanita dalam Seroja Masih Di Kolam, mempunyai keluarga yang lebih bahagia daripada Hanim. Dia mempunyai seorang teman lelaki dan mereka kemudiannya berkahwin. Dia amat setia terhadap suaminya, tetapi suaminya itu pula asyik berseronok di luar rumah. Apabila Diana menemui seorang pemuda lain, Ridhwan, yang mempunyai pegangan agama yang lebih kukuh daripada Rusli dan seorang yang bercita-cita dan berazam tinggi, secara tidak langsung Diana telah terpikat dengan Ridhwan dan dia sekarang mempunyai pandangan yang lebih matang terhadap erti percintaan.

Cerpen Khadijah Hashim Pelangi Pagi (1971)⁴¹

telah menceritakan perasaan gadis dalam usia muda yang jatuh cinta dengan begitu mendalam. Mereka boleh hidup kerana orang yang dicintai dan boleh juga mati kerananya. Galakan daripadanya boleh menyebabkan mereka berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh. Manakala celaan daripadanya pula akan menyebabkan mereka merana dan sedih. Watak utama wanita dalam cerpen tersebut, Noraini, seorang gadis yang amat dimanjai oleh ibu bapanya. Noraini lebih suka bermain dan tidak suka membaca buku. Tetapi, setelah mendapat galakan dan rangsangan daripada gurunya yang muda itu, Noraini kembali belajar dengan bersungguh-sungguh. "Setiap hari dia menanti kedatangan gurunya. Kadang-kadang dia terfikir juga: Betapa bodohnya merindui orang yang tidak pernah mencintaiku. Apabila dia mengetahui gurunya telah mempunyai isteri, dia tidak kelihatan gembira dan juga tidak mahu meneruskan pelajarannya walaupun dia mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaannya. Bapanya tiada cara lain, melainkan meminta pertolongan daripada gurunya kerana masalah ini harus diselesaikan oleh orang yang membangkitkan semangat belajar anak gadis itu. Gurunya dengan sengaja telah membuat perbandingan antara Noraini dengan isterinya yang telah mendapat ijazah untuk merangsangkannya supaya mengemasakan barangnya untuk melanjutkan pelajarannya di tempat lain. Walaupun

pembaca tidak tahu bagaimana masa depan Noraini, tetapi wajah Noraini yang terbelenggu dan tertekan kerana percintaan jelas terbayang dalam ingatan para pembaca.

Cerpen Shang Wanyun, "Gadis Kurang Siuman Bernama Ah Lian" (痴女阿蓮) (1977)⁴⁴ juga menggambarkan perasaan seorang gadis. Ah Lian merupakan seorang gadis kurang siuman dan berwajah hodoh. Dia bukan sahaja gemuk, malah *badannya berbau busuk*. Dengan pendek kata, dia seorang gadis yang kekurangan dalam semua aspek. Oleh yang demikian, dia tidak mendapat perhatian dan kasih sayang di rumahnya, dan di luar rumah pula dia mendapat ejekan dan sindiran. Walaupun begitu, dalam hati kecilnya masih mempunyai keghairahan terhadap percintaan.

Pada suatu hari, adik lelakinya telah membawa dua orang kawan balik ke rumah. Oleh sebab berasa simpati terhadap Ah Lian, Ah Bing, salah seorang kawannya duduk di sisi Ah Lian dan mendengar Ah Lian menceritakan kisah-kisah lamanya. Muka Ah Bing kelihatan begitu tenang dan juga penuh dengan kasih sayang. Percakapannya sama dengan suara pelakon yang dalam sandiwara. "Suaranya tinggi rendah dan lemah-lembut. Ah Lian telah biasa mendengar suara kasar, tetapi Ah Bing yang kurus dan yang berkulit hitam menampakkan wajah yang penuh kasihan dan tenang

terhadapnya. Semasa tangan Ah Bing meraba-raba bahu Ah Lian dengan lembut, Ah Lian mempunyai satu perasaan yang aneh. Hatinya sekejap menggigil dan takut, sekejap pula berasa gembira. Dia melihat mata Ah Bing dengan teliti. Apabila perbuatan Ah Bing berhenti, perasaan demikian pun turut berhenti. Masa itu dia tidak ingat lagi di manakah tempat dia berada. Dalam mata Ah Bing yang hitam dan tajam itu, Ah Lian telah melihat dirinya sendiri. Dia merasa sangat manis.

Ah Bing sebenarnya hanya menaruh perasaan simpati terhadap Ah Lian. Perasaan simpati itu hanya wujud sekejap sahaja. Tetapi perasaan itu telah menjadi satu detik yang paling baik dan manis dalam hidup Ah Lian. Dia ingin menyimpan dan memperolehnya selama-lamanya, tetapi Ah Bing pula telah milarikan diri darinya. Perwatakan Ah Lian yang direka oleh Shang Wan Yun amat berjaya, iaitu menonjolkan watak seorang gadis walaupun berkeadaan seperti Ah Lian, juga memerlukan percintaan. Mesej tersebut ditanam dengan mendalam di hati pembaca.

Novel Hendak Hujan Hujan Sekali²³ yang ditulis oleh Salmi Manja menceritakan kisah gadis yang baru mengalami alam percintaan, sikap mereka yang mengejar percintaan, tetapi tidak mengetahui apakah sebenarnya percintaan itu. Dalam alam percintaan yang

penuh dengan kekaguman, mereka gembira, keliru, sesat dan sedih, akhirnya telah berjaya melampaui pintu percintaan dan perlahan-lahan menjadi dewasa dan matang.

Tiga gadis yang diceritakan dalam novel itu berasal daripada keluarga yang tidak bahagia dan tinggal di asrama sebuah sekolah agama. Mereka masing-masing telah menaruh hati terhadap seorang lelaki yang sama yang tinggal berhampiran asrama mereka. Hanya lelaki itu yang dapat menepati syarat mereka. Lelaki ini bersifat lemah lembut, bersopan santun, tahu bermain gitar dan juga suka membaca buku. Sifatnya yang lemah lembut telah menyebabkan gadis yang kesunyian, yang tidak mengetahui tempat sebenar letaknya perasaan cinta mereka, mudah terpikat olehnya.

Walaupun peraturan sekolah ketat, tetapi mereka masih berusaha dengan apa sahaja caranya untuk melihat lelaki itu. Pada waktu senja, dari jarak jauh mereka berdiri di koridor merenung ke arah kedai tempat lelaki itu bekerja, melihat dia bekerja, mendengar bunyi gitar yang dimainkan olehnya, melayang keghairahan dan kepahitan dalam kerinduan yang telah menyebabkan mereka dapat merasai perasaan mencintai seorang lelaki.

Malangnya, lelaki itu telah beristeri dan mempunyai anak. Impian ketiga-tiga gadis itu hancur. Percintaan ini telah mempengaruhi hati mereka pada jangka masa tersebut, di samping menyebabkan mereka menjauhi perasaan suci itu dengan pantas. Selepas lebih kurang 10 tahun berlalu, mereka masing-masing telah berumah tangga. Apabila mengenang kembali peristiwa lalu itu, masih terdapat perasaan yang sukar dilupakan dalam hati mereka. Salmi Manja menceritakan keghairahan terhadap percintaan oleh pemuda-pemudi dengan jelas, di samping menggambarkan perasaan malu dan rumit seseorang gadis.

Dalam cerpen "Mawar Merah di Jambangan"¹⁴, Khadijah Hashim menggambarkan seorang gadis yang berasa hairan, gembira dan menunggu saat-saat percintaan, malah sanggup bertentangan pendapat dengan ibunya. Siew Ping yang bekerja di kedai bunga ibunya telah berkenalan dengan pemandu muda, Ali, yang selalu datang membeli bunga. Ali yang kerap merenung Siew Ping dengan penuh bermakna, mengeluarkan kata-kata pujian, seolah-olah menunjukkan perasaan cinta secara terselindung, menyebabkan Siew Ping merasa malu tetapi gembira. Tiap-tiap hari dia mengharapkan kedatangan Ali. Tetapi, pada suatu hari, tuan tempat Ali bekerja telah datang membeli kalungan bunga, dan membawa berita yang menyedihkan - Ali telah meninggal dalam satu

kemalangan. Impian Siew Ping hancur. Dia tidak mahu menerima bayaran kalungan bunga itu, tetapi tindakannya telah dilarang oleh ibunya. Kesedihan dalam hati Siew Ping tidak dapat digambarkan lagi. Dia menangis sambil berkata: "Apa salahnya saya menghadiahkan bunga untuknya? Dia kawan saya. Dia baik, saya sayangkan dia." (hlm. 48). Kisah sebuah cinta telah berlalu dengan tragedi yang memilukan.

Cerpen Fatimah Busu, "Cinta"¹⁸ telah menyentuh secara langsung tema percintaan. Keadaan romantik pasangan kekasih yang sedang berasmara di tepi pantai, dan kerissuan yang disebabkan oleh perbezaan dalam latar belakang keluarga bagi pasangan kekasih tersebut dalam kehidupan nyata, telah mengancam cinta mereka. Menerusi dialog kedua-dua watak tersebut, perasaan sayang gadis terhadap lelaki, jelas kelihatan. Pertama kali gadis bertemu dengan teman lelakinya di bawah langit yang berseri-seri, si gadis berkata:

"Pertama kali adik datang ke tempat ini," kata aku.
"Dengan siapa?" tanya Adil.
"Dengan abang!"
"Seronok?"
"Lebih dari seronok . . ."
"Kalau lebih dari seronok apa dia?"
"Seronok, seronok, seronok . . .
seronoklah!" (hlm. 122).

Sifat gadis yang pemalu dan lembut, serta rasa bahagia amat menonjol dalam percakapannya. Apabila teman lelakinya bertanya tentang perasaannya, dia pula mengakui dengan terus terang.

"Bila adik rasa bahagia?"
"Duduk dengan abang!"
"Kalau abang tak ada?"
"Adik sedih sekali . . . adik selalu menangis."
"Fasal apa?"
"Teringat abang . . ." (hlm. 125).

Sikap gadis yang mengharapkan percintaan dengan sepenuh hati, apabila mendapat belaian kasih daripada lelaki, mereka akan berasa paling bahagia dan gembira. Tetapi, apabila percintaan itu telah lenyap, perasaan sedih dan penderitaan pula terbayang.

Kecuali cerpen "Selamat Tinggal" yang ditulis oleh Intan Jaafar yang mengisahkan gadis di bawah paksaan ibu bapa berkahwin dengan orang yang tidak disukainya, kebanyakan karya penulis wanita berkisar pada sikap lelaki yang mungkir janji, suka kepada yang baru dan muak kepada yang lama, yang akhirnya membawa kehancuran kepada gadis yang mempunyai harapan tinggi terhadap percintaan.

Semasa penulis wanita menulis karya mereka, tidak dapat dinafikan bahawa mereka memang membawa

mesej untuk memberi pengajaran kepada pembaca. Ini dapat dikesan dalam cerita-cerita yang menggambarkan peristiwa salah langkah dan tipu daya yang dialami oleh gadis muda. Tujuan penulis-penulis wanita menulis cerita-cerita tersebut jelas diketahui, iaitu menasihatkan gadis muda jangan terlalu mudah percaya kepada lelaki. Hanya melalui pergaulan yang rasional, barulah mereka tidak akan merasai kegagalan dalam percintaan, malah penderitaan ketika kehilangan cinta.

Pada tahun 60-an, penulis wanita Mahua telah dipengaruhi oleh cerita romans dari Hong Kong, Taiwan, beberapa buah cerpen yang mendapat pengaruh ini seperti yang dikatakan oleh Li Ziyun (李子云), seorang profesor sastera Cina:

Zaman yang jauh dari nyata, yang menggunakan keadaan masyarakat yang nyata untuk menggambarkan percintaan yang abstrak. Cerpen jenis ini walaupun telah dicopkan dengan sifat zaman dan kemasyarakatan kepada watak-watak, tetapi tidak kira peristiwa ataupun perasaan dalam wataknya masih tidak mempunyai sifat-sifat khas zaman kini dan jauh berbeza dengan masyarakat . . . Dalam isinya pula kelihatan kekurangan dan peristiwanya pula selalunya tidak boleh dibincangkan atau dikaji lagi.²⁶

Pada awal tahun 60-an, Xu Xiuzhen (许绣珍) yang melibatkan diri dalam penulisan, baru berusia 20 tahun, menghasilkan cerpen "Percintaan di Tepi Tasik" (湖恋) yang penuh dengan perasaan yang hanya menyatakan kesedihan atas kertas semata-mata.

Dalam cerpen tersebut dikemukakan tokoh seorang gadis yang bernama Yunfan, anak luar nikah. Semasa tinggal di rumah ibu saudaranya yang kaya itu, dia berkenalan dengan seorang doktor, He Shuhuan di tepi tasik. Keluarga He yang kaya tidak suka Shuhuan berkawan dengan Yunfan yang mempunyai latar belakang yang tidak sepadan dengan keluarga He. Oleh itu, keluarga He telah menggunakan alasan bahawa Yunfan akan melanjutkan pelajaran ke luar negeri semata-mata untuk memisahkan mereka berdua. Akan tetapi, Yunfan dan Shuhuan akhirnya bertemu di tepi tasik dan mengharapkan mereka berdua akan bertemu lagi pada suatu hari nanti.

Pengolahan cerpen ini amatlah tidak wajar. Perwatakannya juga adalah keras dan tidak bernyawa. Tetapi gadis muda ini yang mempunyai keghairahan terhadap percintaan yang jauh daripada nyata yang hanya timbul dalam fikiran semata-mata dan benci terhadap campur tangan orang luar yang menyekat perkembangan percintaan mereka amatlah menonjol dalam penulisan Xu Xiuzhen.

Seorang penulis wanita Mahua, Ningxiu (凌秀) amat aktif dalam penulisan pada tahun 60-an dan 70-an. Pada bahagian penutup antologi cerpennya Berjalan di Bawah Mentari, beliau berkata:

Tidak kira bagaimana buruknya keadaan dan kesusahan yang kuhadapi, masih tidak dapat menahan keghairahanku untuk menulis . . . Sejak beberapa tahun ini, ingatan yang terpendam dalam hatiku tetap mendorong dan menggalakkan aku terus menulis tentang perasaan yang terpendam dalam hatiku, tentang cintaku terhadap kehidupan, kehodohan dan keindahan alam ini."

Walaupun kebanyakan cerpennya adalah khusus membayangkan kenyataan tetapi cerpen Ningxiu yang berjudul "Bunyi Biola dalam Larut Malam" (午夜琴声) juga merupakan sebuah cerpen percintaan yang tipikal.

Lishan (莉珊) pergi bercuti di rumah ibu saudaranya, sebuah banglo yang berhampiran dengan pantai. Langsir di bilik yang berhadapan dengan biliknya, tidak pernah dibuka. Tetapi tiap-tiap malam akan kedengaran bunyi biola yang merdu dari arah bilik itu. Pada suatu hari, semasa Li Shan berjalan-jalan di tepi pantai, secara tidak langsung dia telah bertemu

lengan orang yang bermain biola, Cen Zibing (岑子冰) seorang pemuda yang mengidap penyakit kanser gastrik tetapi kacak, sedih dan suka membaca puisi Byron.

Mereka berdua telah sama-sama jatuh cinta dalam pertemuan pertama itu, malah Lishan pula telah menimbulkan perasaan simpati terhadap Zibing: 'Memandang di sisi wajahnya yang pucat, kurus, kesunyian dan sedih, dia kelihatan begitu simpati, begitu sepi. Aku sangat berharap dapat memberi kasih sayang kepadanya, memberi kemesraan . . . tetapi . . .' (hlm. 233). Akhirnya, percintaan mereka terputus di tengah jalan. Pemain biola itu telah membunuh diri. Pertemuan antara mereka hanyalah menjadi suatu kenangan manis bagi Lishan.

Cerpen yang dicipta oleh penulis wanita Melayu, Amida Abdul Hamid (Anis) mendapat sanjungan yang amat tinggi daripada pembaca. Seperti yang dikatakan oleh Hashim Awang dalam pendahuluan buku cerpennya Cenderamata:

" . . . tiap sebuah darinya menikmati kekuatan yang setanding dengan cerpen-cerpen lain yang sezaman. Akan tetapi, walaupun cerpen-cerpen Anis itu kelihatan bukan sahaja pada permasalahan yang digarap tetapi juga pada teknik yang menghidupkan segala persoalan."³⁰

Walau bagaimanapun, karyanya Bunga Biru Berbunga di Hati merupakan sebuah kisah percintaan yang tiada sebarang pembaharuan.

Rohani dan Nazri baru berkahwin, tetapi Rohani telah menjadi lumpuh separuh badan akibat kecuaian Nazri memandu kereta dengan laju, yang membawa kepada berlakunya kemalangan. Semasa Rohani dirawat, telah datang seorang jururawat bernama Mastura menjaganya. Mastura memberi perhatian dan semangat kepadanya, menjaganya sehingga menyebabkan Rohani nempunyai keinginan untuk berdiri semula. Tetapi akhirnya Rohani pula mendapati Mastura sebenarnya adalah bekas kekasih Nazri. Pada suatu masa dulu, Mastura, oleh sebab kecacatan akibat ditimpa kemalangan, dia telah menjauhkan diri daripada Nazri. Sekarang dia pula menjadi jururawat kepada isteri Nazri. Oleh sebab tidak mahu memusnahkan kebahagiaan Nazri dan Rohani, Mastura telah meninggalkan rumah mereka selepas kerjanya selesai. Mastura telah berjaya menyelamatkan nyawa Rohani semasa Rohani ingin membunuh diri. Nazri berasa amat kesal dengan peristiwa tersebut dan bersumpah bahawa mulai dari masa itu, dia akan menjaga Rohani dengan baik.

Salmah Mohsin juga merupakan penulis wanita Melayu yang terkenal. Beberapa buah cerpennya mempunyai struktur yang kuat menggambarkan keadaan sebenar dalam masyarakat. Tetapi karyanya yang setebal 62 halaman yang berjudul Luka Lama Berdarah Kembali³² pula penuh dengan plot yang berlaku cara kebetulan. Beliau tidak menulis secara mendalam mengenai watak dan perwatakannya. Beliau hanya menekankan kisah percintaan semata-mata dalam pelukisan watak-wataknya. Oleh itu, tidak hairanlah buku itu telah dimasukkan dalam siri kasih sayang oleh penerbit.

Novelet ini berkisar tentang kisah Zabidi yang akan berkahwin dengan Alida. Dia telah meninggalkan Alida, sebaliknya pergi ke England bersama-sama Sabrina. Alida amat dukacita tetapi akhirnya dia telah menerima kenyataan itu, apabila dia mempunyai seorang teman lelaki baru bernama Izham. Pada masa ini, adik perempuan Zabidi pula telah menelefonnya dan memberitahu Alida bahawa Zabidi dan Sabrina telah berpisah. Zabidi telah hilang ingatannya dalam satu kemalangan, dan kini dia telah kembali dari luar negeri. Adik Zabidi berharap Alida boleh pergi melawat Zabidi dan memberi semangat supaya memulihkan ingatan Zabidi. Selepas Alida berfikir sebentar dia pun bersetuju. Izham berasa cemburu dengan tindakan Alida itu. Apabila Zabidi melihat Alida, perasaan cintanya

terhadap Alida datang kembali. Yang lebih secara kebetulan lagi, Zabidi telah terjatuh dari sepohon pokok. Justeru itu ingatannya telah kembali pulih, lalu dia mengenal kembali Alida. Zabidi berasa amat kesal dan berharap dapat berbaik semula dengan Alida. Tetapi Alida telah menolak permintaannya, sebaliknya kembali ke pangkuan Izham.

Kisah percintaan ini amat mengelirukan. Pada dasarnya Alida telah kehilangan cinta, tetapi sekejap sahaja. Lepas itu dia pula dikejar oleh dua orang lelaki sekali gus. Izham yang penuh dengan lemah lembut dan Zabidi pula yang menunjukkan penuh cinta dan rasa kasih sayang. Kisah romantik seperti inilah yang paling menarik hati kebanyakan pembaca wanita.

Dalam tahun 1979, jumlah pengedaran buku-buku Hartequin, sebuah penerbit buku-buku romantik yang terkemuka telah mencapai angka 168,000,000 naskhah, tersebar ke 98 buah negara di seluruh dunia. Penulis buku-buku ini kebanyakannya adalah kaum wanita dan pembacanya juga adalah kaum wanita. Di Amerika Syarikat misalnya, secara purata setiap empat orang wanita, terdapat seorang yang membaca empat buah kisah romantik dalam sebulan.³³

Percintaan antara lelaki dengan wanita, kisah bertemu dan berpisah dalam percintaan adalah kisah yang paling menarik hati mereka. Seorang pengkaji feminisme berpendapat bahawa kisah-kisah romantik membayangkan satu keadaan, iaitu "seorang ibu yang sering bersifat sebagai penjaga, juga mempunyai keinginan untuk menjaga orang lain. Oleh itu, wanita ingin mencari seorang "lelaki yang bersifat keibuan" - seorang lelaki yang dapat mendukung watak wanita dengan penuh lemah lembut dan menyayanginya dalam akhir setiap kisah romantik.³⁴

Melalui karya-karya jenis ini, ia dapat memberikan kaum wanita kepuasan dan rasa simpati yang direka sendiri, juga dapat mengeluarkan ketidakpuasan, kekecewaan dan sebagainya dalam hati mereka. Walaupun kisah-kisah ini berguna untuk mengubati jiwa seseorang wanita, kisah percintaan seperti ini tidak boleh diterima di dalam bidang kesusasteraan yang serius.

3.2 CINTA YANG TIDAK KESAMPAIAN

Cinta memang sesuatu yang ajaib. Keajaibannya ialah ia boleh berlaku dalam sekelip mata, dan lesap begitu sahaja. Cinta itu boleh berpanjangan dan berkekalan selama-lamanya atau bertukar menjadi dendam. Orang muda suka bercinta, begitu juga mempunyai keinginan terhadap cinta. Namun, cinta adalah sesuatu

yang tidak menentu. Seseorang yang bercinta selalunya menganggap dirinya sudah terperangkap dalam keindahan itu yang bagaikan pelangi, tetapi selepas menatapinya dengan teliti, mereka baru menyedari bahawa kehadiran cinta hanyalah seperti udara segar selepas hujan. Dalam puisi-puisi Cina, terdapat banyak yang melukiskan peristiwa cinta ini. Antara penulis-penulis wanita, ramai juga yang menghasilkan karya tentang kegagalan cinta.

Sebagai contohnya, novel Yiyi berjudul Pemuda Pemudi (青春鬼女)³⁵ melukiskan satu kisah cinta yang tidak kesampaian. Shaohong (少鴻) adalah kawan kepada abang Xiaoqing (曉卿), dan mereka membesar bersama-sama sejak dari alam kanak-kanak lagi. "Setiap kali tidak kira Xiaoqing pergi ke mana tempat bersama-sama abangnya, saya juga akan mengikut bersama. Kami berada bersama dengan bebas dan gembiranya, dan kami telah melalui alam kanak-kanak yang menyeronokkan serta alam remaja yang riang-ria."(hlm. 32). Shaohong cinta kepada Xiaoqing, tetapi Xiaoqing hanya menganggap Shaohong sebagai abangnya dan teman karibnya. Xiaoqing menaruh perasaan simpati terhadap Shaohong, tetapi dia tidak mencintai Shaohong. Akhirnya, Shaohong berkahwin di bawah pengaturan yang dibuat oleh keluarganya. Namun begitu, dia pula memberitahu Xiaoqing bahawa, "walaupun Xiaoqing telah berkahwin, beranak, atau telah

menjadi nenek, dia tetap mencintainya seperti dulu. Cinta ini tidak ada batasan masa dan ruangan, kecuali dia meninggal dunia, barulah cinta ini tamat."(hlm. 35). Pada ketika kebanyakan novel menghuraikan tentang lelaki yang tidak setia dan tidak berhati perut, novel ini pula menceritakan Shaohong yang taat kepada cinta, yang merupakan bilangan yang kecil, tetapi malangnya cintanya itu tidak diterima oleh Xiaoqing.

Bagi sepasang kekasih yang saling mencintai mereka merasakan bahawa betapa indahnya kalau mereka dapat bersama-sama sehidup semati. Namun begitu, akibat daripada pelbagai halangan dan rintangan yang berada dalam dunia realiti ini, ramai kekasih yang tidak dapat menjadi suami isteri akhirnya. Meskipun masa boleh mengubati segala-galanya, namun bagi mereka yang berpegang teguh pada cinta, mereka masih memendam perasaan cinta dalam kalbu, tidak kira masa berlalu. Karya Ai Wei yang berjudul "Cinta Lama di Waktu Senja" (落日故人情) (1982)³⁶ merupakan satu contoh yang baik.

Liu Junqi (刘君其) adalah seorang peniaga yang berjaya. Umurnya sudah menghampiri 60 tahun. Dia mempunyai kerjaya, keluarga serta anak-anak yang berjaya. Namun demikian, dia masih tidak dapat melupakan seorang gadis bernama Zhang Yalan (张雅兰) yang hampir-hampir menjadi isterinya.

Sejak tahun-tahun kebelakangan ini, kerinduan ini menghantuiinya setiap hari. Kadangkala dia akan memandu sejauh 70 kilometer ke kampung halaman Yalan untuk merasai makanan yang disukai mereka pada masa dahulu.

Akhirnya dia tidak dapat mengawal perasaannya lagi. Pada suatu pagi, dia memandu keretanya menuju ke sebuah pekan yang kecil yang terletak kira-kira 200 batu. Tujuannya adalah untuk mencari kekasih lamanya itu. Namun, gadis yang dahulunya cantik, sudah tua dan semua anaknya sudah dewasa. Oleh itu, tidak mungkin lagi mereka menyambung percintaan mereka semula. Selepas mereka memegang tangan masing-masing dengan erat dan saling merestui, mereka pun kembali semula kepada kehidupan asal mereka.

Cerpen Khadijah Hashim yang bertajuk "Sampai Hilir dari Hulu"³⁷ juga memaparkan kisah yang serupa. Perbezaannya ialah Khadijah telah menggambarkan pengalaman romantik seorang watak lelaki memikat gadis idamannya. Penggambaran penulis amat menarik.

Zainal membesar di sebuah kampung. Pada masa remajanya, dia telah jatuh cinta pada Habibah, anak perempuan Pak Sudin yang bekerja sebagai pengayuh sampan. Kerana ingin menatap wajah serta memikat gadis idamannya, Zainal akan bertenggek di atas sepohon pokok

yang besar di tepi sungai dan menunggu selama dua jam setiap hari. Apabila sampan Habibah menghampiri tebing, Zainal akan terjun ke dalam sungai untuk menarik perhatian Habibah. Selain itu, dia juga menghantar surat cinta melalui kawan-kawannya dan meminta bantuan mereka untuk mengaturkan pertemuannya dengan Habibah. Malangnya, harapan Zainal hancur berkecaci apabila Habibah mengahwini teruna yang bekerja sebagai kerani, pilihan ibu bapanya. Zainal berasa amat sedih lalu meninggalkan kampungnya pada hari perkahwinan Habibah. Dia berikhtiar untuk belajar sambil bekerja supaya dapat menjadi seorang kerani. Dia ingin membuktikan kebolehan dirinya kepada keluarga gadis itu. Nasibnya agak baik apabila dia dapat meneruskan pelajarannya sampai ke peringkat universiti dan akhirnya menjadi seorang majikan.

Pada suatu tahun, Zainal balik ke kampung untuk menziarahi keluarganya serta menghadiri satu majlis perkahwinan orang kampung. Dalam hatinya, dia tetap merindui Habibah. Kawannya memberitahunya bahawa Habibah sudah berpindah ke Kuala Lumpur dan telah mempunyai enam orang anak. Kehidupan mereka susah dan Habibah terpaksa menjual pisang goreng di hadapan rumahnya. Setelah mendengarnya, Zainal pun terus balik ke Kuala Lumpur kerana ingin melihat wajah Habibah yang bermata bulat dan bersinar itu.

Zainal membawa perasaan yang romantik dan ingin berjumpa dengan gadis idamannya itu. Namun hakikatnya Habibah yang menjadi ibu kepada enam orang anak dan dirundung kesempitan hidup itu sudah tidak secantik dulu. Habibah yang begitu cantik dan cergas dulu kini sudah menjadi tua. Masa menjadikan seseorang itu tua dan mengubah segala-galanya.

Kisah tentang perasaan cinta yang tidak kesampaian juga tertonjol dalam cerpen Chenyan (晨砚) yang berjudul "Pertemuan di Musim Sejuk" (冬天里的山藩)¹⁸ Sungguhpun cerpen ini menceritakan seorang askar tua di Taiwan, namun menerusinya juga tergambar suatu kejadian biasa dalam kehidupan.

Dalam cerpen itu dilukiskan bahawa semasa muda, Ren Chunxiang (任春翔) pernah belajar melukis dan menulis puisi. Orangnya kacak dan tampan. Namun begitu, disebabkan peperangan, dia kehilangan peluang untuk bercinta dan berkahwin. Kini dia sudah berumur 50 tahun lebih. Semasa dia menolong kawan lamanya menguruskan gerai makan, dia berkenalan dengan Heiniu (黑妞) seorang gadis yang mengambil kursus seni lukis di institut seni yang berdekatan.

Chunxiang menaruh perasaan pada Heiniu, malah dia berasa dirinya sedang bercinta seperti orang muda. Namun, kerana perbezaan umur yang jelas, Heiniu tidak membala kasihnya meskipun dia tidak membenci Chunxiang. Penderitaan yang ditanggung oleh Chunxiang ini dapat kita bayangkan melalui kata-katanya, iaitu:

"Saya adalah seorang manusia di dunia ini. Biarpun saya sudah tua, saya juga seorang manusia yang jiwanya memerlukan kegembiraan." Dalam kehidupan saya ini, apa yang saya perlukan adalah keindahan sebegini. Siapa yang tidak memerlukan keindahan ini? Siapa yang tidak memerlukan kasih sayang? Dan siapa yang hanya hidup dengan pujian orang lain tentang ketabahan hatinya?

Chunxiang tidak mempunyai kekayaan dan juga tidak muda lagi. Walaupun Heiniu memuji bakatnya, namun apabila memikirkan pandangan orang lain serta masalah-masalah yang mungkin dihadapinya pada masa-masa akan datang, Heiniu terpaksa membiarkan percintaan ini berkubur.

Chenyan mempunyai perasaan simpati yang mendalam terhadap watak Ren Chunxiang. Selepas membaca cerpen yang agak panjang ini, kita akan mempunyai pengertian yang berlainan terhadap percintaan.

Terdapat dua baris puisi yang unggul berbunyi demikian: Memulangkan permata kepada tuan dengan air mata yang berlinang, merasa kesal tidak berkenalan semasa masih berbujang.⁴⁰ Seseorang yang mendapati dirinya jatuh cinta selepas berkahwin akan menolak cinta itu biarpun betapa indahnya perasaan cinta itu. Dia berbuat demikian demi kebahagiaan keluarga kedua-dua pihak serta mengelakkan diri daripada melakukan kesilapan. Cerpen Siti Zainon Ismail yang bertajuk "Bunga-Bunga"⁴¹ adalah sebuah cerita yang mengisahkan percintaan yang romantik ini.

Ceritanya tentang seorang seniwati yang sudah berumah tangga bertemu dengan seorang lelaki yang sudah beristeri. Pertemuan itu berlaku semasa seniwati itu mengumpul hasil-hasil kraftangan di luar negeri. Lelaki itu mempunyai kegemaran yang serupa dengannya, malahan dia seorang yang penyayang dan pandai mengambil hati orang. Dia terus menghantar bunga dan menulis puisi kepada seniwati itu untuk membayangkan isi hatinya. Dengan cara yang berterusan ini, seniwati itu mendapati dirinya sudah mulai tergoda dengan lelaki itu. Oleh itu, pada pagi itu apabila ketukan pintu belum terdengar dan sebelum tercium keharuman jambakan bunga, dia tergesa-gesa meninggalkan nota pendek di atas meja tetamu. Nota itu berbunyi, "Harum mawarmu yang pekat aku lemas dikungan itu." (hlm. 77).

Dengan fikiran yang rasional serta melalui perpisahan itu, seniwati itu menarik diri daripada perasaan cinta baru itu. Cara seniwati itu menangani masalah ini mewakili pandangan umum kebanyakan wanita, iaitu cinta selepas kahwin tidak seharusnya dibiarkan berkembang biarpun betapa romantik dan indahnya cinta itu kerana kebahagiaan keluarga perlu diutamakan.

3.3 KEHANCURAN CINTA

Cinta merupakan suatu perasaan yang indah dalam hidup ini. Setiap insan baik lelaki maupun perempuan, apabila menjelajah usia remajanya, akan memendam perasaan ini. Apabila sampai masanya, tercetuslah perasaan ini lalu bermula lembaran hidup baru bagi insan tersebut.

Sungguhpun cinta adalah murni, namun dalam karya-karya penulis wanita, terdapat banyak kisah yang menggarap persoalan kehancuran cinta. Penulis-penulis ini mengetengahkan pelbagai sebab kegagalan cinta ini, antaranya termasuklah halangan pihak ibu bapa, pihak lelaki yang bersikap tidak serius mempermaining cinta perempuan, serta sifat semula jadi lelaki yang suka "mencari yang baru dan membuang yang lama." Walau apa

pun punca berlakunya keadaan demikian, yang nyata di sini ialah kegagalan cinta telah menyebabkan hidup perempuan sungguh menyediakan dan menderita.

Kisah halangan ibu bapa yang membawa kesengsaraan kepada pasangan kekasih berlaku sejak zaman dahulu lagi dan wujud dalam semua masyarakat, baik masyarakat Timur mahupun masyarakat Barat. Di Barat terdapat cerita Romeo dan Juliet yang amat terkenal manakala di China pula terdapat kisah Liang Shanbo (梁山伯) dan Zhu Yingtai (祝英台) yang sangat popular. Namun, berikutnya dengan amalan cinta bebas meresap masuk ke dalam kehidupan rakyat negara kita, cerita cinta yang mendapat halangan daripada ibu bapa semakin berkurangan. Namun begitu, dalam karya-karya penulis wanita sepanjang tahun 1957 - 1982, masih ada yang menggarap persoalan tersebut.

"Tandus"⁴¹, karya Hamsiah Hamid, ... , merupakan salah satu contoh yang baik. Dalam cerpen itu watak Hashimah telah berkenalan dengan watak Mandan dan mereka sama-sama jatuh cinta. Semasa dalam kapal terbang pulang ke tanah air, mereka masih dilamun cinta yang indah. Oleh itu, selepas pulang ke kampung, Hashimah ternanti-nanti akan Mandan datang meminangnya.

Malangnya Mandan telah berkahwin dengan gadis lain mengikut pilihan orang tuanya.

Dalam cerpen Intan Jaafar yang berjudul "Selamat Tinggal"⁴², yang dipaksa membuat pilihan adalah pihak perempuan. Pada hari perkahwinan perempuan itu, bekas teman lelakinya datang memberikan hadiah kepadanya. Melalui cara ini, penulis menonjolkan kepahitan yang dialami oleh watak lelaki tersebut. Watak lelaki itu melihat teman wanitanya menjadi isteri orang dan kepiluan hatinya memang dapat kita rasakan.

Cerpen Fatimah Busu yang berjudul "Cinta" menceritakan kisah percintaan dengan agak halus dan terperinci. Kedua-dua pasangan kekasih dalam cerita itu telah mengikat janji dan saling menaruh kasih antara satu sama lain. Malangnya, perbezaan latar belakang keluarga mereka telah menghalang perkahwinan mereka.

Karya Shang Wanyun yang bertajuk Kisah Pak Su dengan Seorang Perempuan Melayu mengisahkan cinta yang melampaui batas kaum. Pak Su adalah seorang yang tulus ikhlas dan selalu ditindas oleh orang lain. Ibunya sangat garang. Secara tidak langsung ini menyebabkan dia menaruh hati kepada seorang janda bernama Fatimah

yang lemah lembut. Fatimah mempunyai seorang anak. Dia memang mengharapkan kasih orang lain. Oleh itu, Fatimah bersetuju untuk berkahwin dengan Pak Su. Namun, oleh sebab pandangan serong masyarakat dan tentangan hebat keluarga, Fatimah terpaksa meninggalkan Pak Su dengan hati yang berat.

Selain halangan keluarga, kegagalan cinta juga berpunca daripada perbezaan agama dan kebudayaan, kecacatan anggota badan dan paras muka, dan kematian. Dalam karya-karya penulis wanita, faktor-faktor ini turut menyebabkan seseorang watak mencari jalan keluar dari percintaan. Namun, oleh sebab segala peristiwa yang digambarkan oleh penulis kurang meyakinkan, karya-karya seperti ini tidak dapat diketengahkan sebagai kisah cinta yang unggul.

Cerpen Bai Xue (白雪) "Kisah Sekelompok Awan" (-朵云的故事)⁴³, menceritakan sepasang kekasih yang bercinta dengan begitu mendalam. Mengikut gambaran penulis, cinta mereka telah sampai ke tahap yang "mengatasi segala-galanya". Kai, seorang gadis Tionghoa bercinta dengan Nan, seorang pemuda yang berasal daripada kaum lain. Kai sanggup mengetepikan kemarahan ibu bapanya dan terus bersama-sama dengan kekasihnya.

Tetapi, dalam suatu kemalangan, muka Kai tercedera dan meninggalkan parut sepanjang lebih satu inci. Kecacatan tidak serius ini menyebabkan Kai meninggalkan Nan. Tindakan yang diambil oleh Kai ini agak aneh dan sukar difahami oleh pembaca. Bagi perempuan, mereka mungkin amat mengambil perhatian terhadap kecantikan diri mereka. Di sini, parut itu telah memutuskan percintaan tersebut.

Berbanding dengan parut di muka, kesan kecederaan anggota badan terhadap cinta adalah lebih serius lagi. Oleh itu, cerita yang mengisahkan watak wanita utama yang telah patah kaki akibat kemalangan lalu menggunakan alasan ini meninggalkan teman lelakinya bolehlah diterima. Karya Bunga Biru Berbunga di Hati adalah contoh yang menarik.

Selain sebab-sebab di atas, punca utama yang menyebabkan seseorang perempuan tidak dapat mengecap nikmat cinta ialah lelaki yang tidak setia dalam cinta. Intan Jaafar dalam antologi cerpennya Selamat Tinggal mengumpulkan sebanyak 11 buah karya. Di dalamnya terdapat setengah daripadanya yang mengisahkan kehancuran cinta. Selain cerpen pertama Selamat Tinggal yang berkaitan dengan halangan ibu bapa, yang lain

semuanya melibatkan ketidaksetiaan pihak lelaki. Cerpen "Kau Cemburu, Kau Kejam"⁴⁴, menceritakan watak perempuan utama Linda yang tidak dapat bersabar dengan sifat keangkuhan (Male Chauvenism) teman lelakinya, Tahir. Sikap Tahir yang asyik bercinta tetapi tidak mahu berkahwin, akhirnya menyebabkan Linda membuat keputusan untuk meninggalkan Tahir.

Bagi tiga buah karya lain dalam antologi ini, kesemuanya menggambarkan watak lelaki yang mempermudahkan cinta perempuan. Dalam karya "Kau Takk Menangis Lagi"⁴⁵, pada mulanya Mastura adalah seorang gadis kampung yang suci murni. Dia telah bertemu dengan Mohd Azam dalam satu majlis perkahwinan di kampung. Penulis menggambarkan pertemuan mereka dengan begitu menarik. Wajah Mastura kelihatan malu tetapi gembira. Akan tetapi, keadaan indah ini tidak kekal lama. Setelah beberapa lama mereka bercinta, Azam meninggalkan Mastura tanpa sebarang pesan. Selepas empat tahun, Azam telah beristeri dan mempunyai anak, tetapi Mastura tetap hidup keseorangan mencari kenangan manis daripada surat-surat cinta lama mereka.

Dalam cerpen "Apa yang Kau Cari"⁴⁶ pula, yang diceritakan juga adalah lelaki yang tidak

bertanggungjawab. Watak lelaki Noor Azam telah berpisah dengan teman wanitanya Nita dan berkahwin dengan perempuan lain. Selepas lima tahun, apabila Nita telah beransur pulih daripada kesedihannya, Noor Azam kembali mencari Nita kerana mendapati bahawa dia tidak dapat hidup bersama-sama isterinya. Dia meminta Nita menjadi isteri keduanya. Biar apa pun alasan yang digunakan untuk menjelaskan keadaannya kepada Nita, kita tetap sedar bahawa dia tidak harus dimaafkan seperti kata-kata Nita,

Kau pergi meninggalkan aku lima tahun yang lalu, tanpa pesan, tanpa kata. Kau tahu betapa hancurnya hidup aku. Kau sebenarnya kejam. Kau telah menyeksa jiwaku, bukan secara lahir tetapi jiwaku. Kau, kau, kau! (hlm. 91).

Lelaki seperti Noor Azam yang tidak mempunyai pendirian tegas, dan selalu berubah fikiran memang ramai. Watak Sahak, lelaki utama dalam cerpen "Kerana Kau Aku Derita, Kerana Kau Aku Bahagia"⁴⁷, juga bersifat begitu. Sahak sebenarnya telah beristeri, tetapi dia menaruh hati terhadap Fauziah. Apabila isteri Sahak datang memarahi Fauziah, Fauziah amat sedih dan tersinggung. Dia bersungut kepada Sahak:

"Itulah kau gatal. Usik perempuan sana, usik perempuan sini, semuanya kau nak rasa . . . Tapi kau, dah ada anak setengah dozen".(hlm. 95).

Ketika menghadapi celaan teman wanitanya, Sahak bukan sahaja tidak berasa malu, malah agak tidak disangka bahawa dia menjawab seperti yang berikut: "Ah! Perkara nak jadi. Bukan salah aku. Semuanya kerana Tuhan. Tuhan yang menentukannya, menemukannya. Kita tak boleh elak lagi . . ." (hlm. 95).

Sebenarnya, Sahak dan isterinya Munah berkawan baik sejak kecil lagi. Munah bukan sahaja bersusah payah bekerja sebagai guru untuk menampung perbelanjaan Sahak di universiti, malah membeli kereta untuk kegunaan Sahak sedangkan dirinya menaiki bas. Akhirnya, apabila Sahak berjaya dalam kerjayanya, dia pula mencari perempuan lain. Walaupun Fauziah mencintai Sahak, namun dia tidak mahu menghancurkan kebahagiaan keluarga Sahak. Oleh itu, dia terpaksa menanggung sendiri segala penderitaannya itu. Sebaliknya, Sahak tidak kehilangan apa-apa. Dia kembali kepada isterinya dan menikmati kemesraan keluarga semula.

Cerpen dan novel penulis wanita Melayu yang memaparkan perbuatan lelaki yang tidak setia dalam cinta memang banyak. Dalam Antologi Cerpen Penulis-Penulis Wanita Malaysia,⁴⁸ antara 20 buah cerpen yang dikumpulkan, terdapat lapan buah karya yang menggunakan lelaki yang tidak setia dalam cinta sebagai watak utama ataupun watak sampingan. Perbuatan mereka telah melukakan hati perempuan dan menyebabkan perempuan kehilangan peluang untuk mendirikan rumah tangga. Selain memusnahkan kebahagiaan wanita seumur hidup, perbuatan mereka juga membawa kesengsaraan kepada anak-anak yang tidak berdosa. Perasaan cinta memang manis dan indah, tetapi daya pemusnahannya juga amat mengejutkan. Selepas membaca kisah-kisah percintaan tragik yang ditulis oleh penulis-penulis wanita, adakah pembaca wanita akan lebih berhati-hati dalam soal percintaan ini? Bagi pembaca lelaki pula, adakah mereka akan lebih bertimbang rasa dalam tindakan mereka?

Cerpen "Matanya Masih di Pintu" (1973)⁴⁹ yang ditulis oleh Timah Baba lebih memilukan hati selepas membacanya. Masniah berumur 32 tahun. Dia seorang yang baik hati dan selalu mengharapkan penjelmaan cinta dalam hidupnya. Tetapi, oleh sebab dia pernah dipermainkan oleh bekas teman lelakinya, usia

mudanya disia-siakan begitu sahaja. Akhirnya, usianya meningkat tua dan dia kehilangan peluang untuk mendapat teman lelaki baru. "Matanya menanti daun pintu diketuk orang. Dan pintu ditolak orang. Matanya masih menanti. Matanya masih di pintu yang rapat." (hlm. 185).

Cerpen Zanariah Wan Abdul Rahman, "Biarlah Padiku Tumpah Berderai" (1976)⁵⁰ pula menceritakan kisah cinta seorang perempuan yang memilukan. Mahani adalah gadis periang di kampung, buah hati ayah ibu. Beberapa orang bujang teruna mengirim surat cinta kepadanya. Antara surat-surat yang diterimanya itu, hanyalah surat Cikgu Kamal yang dibalasnya, kerana guru muda yang kacak itu menarik minatnya. Mereka mula bertemu di tebing sungai. Kemudian mereka menukar tempat perjumpaan di tempat tinggal Kamal. Pada suatu hari, apabila Mahani mengesani dirinya telah mengandung, dia meminta Kamal mengahwininya. Namun, Kamal terus meninggalkannya atas alasan "lelaki tulen tidak akan mengahwini perempuan yang ternoda walaupun noda dengan lelaki itu sendiri".(hlm. 219) Tanpa pilihan lain, Mahani terpaksa meninggalkan kampungnya. Anaknya meninggal selepas dilahirkan.

Ketika tinggal di sebuah rumah sewa di bandar, isteri tuan rumahnya ingin memperkenalkan anaknya kepada Mahani. Apabila mereka berdua bertemu, tidak disangka bahawa anaknya adalah Kamal. Kamal berasa amat kesal dan meminta Mahani berkahwin dengannya. Tetapi, Mahani enggan berbuat demikian. Dia meninggalkan sepucuk surat kepada Kamal dan pergi jauh dari tempat itu.

Seorang gadis yang menyerahkan segalanya kerana cinta sebenarnya tidak menyedari akibat yang akan ditanggungnya. Shang Wanyun dalam cerpennya "Orang India yang Tinggal di Rumah Papan" (木板屋的印度人) menceritakan nasib malang yang menimpa seorang gadis India. Gadis India yang tinggal di dalam rumah papan itu hanya berusia 16 tahun. Malangnya dia telah diperdaya oleh seorang penipu cinta sehingga mengandung. Akibatnya, tiada orang ingin mengahwininya. Ibunya memarahinya dan semua orang India di sekelilingnya pula memandang rendah terhadapnya. Setiap hari dia hanya berkurung di dalam rumahnya dan tidak berani berjumpa dengan sesiapapun. Dengan itu, masa usia mudanya terlepas begitu sahaja. Dia menjadi seorang gadis yang kurus kering, seperti bunga layu yang tidak disunting.

Cerpen Habsah Hassan "Kehilangan" (1972)⁵ juga mengisahkan cerita yang hampir serupa. Nurdiah merupakan seorang gadis yang cantik, baik hati, pemurah dan tidak suka mengecilkan hati orang. Di pejabatnya, dia adalah yang paling popular dan dikagumi. Nurdiah serba boleh orangnya, boleh dibawa ke tengah dan boleh juga dibawa ke tepi. Gadis baik sebegini telah menaruh perasaan yang mendalam terhadap Bakar. Katanya, "Aku belum pernah mengasihi orang sebagaimana aku mengasihi dia. Harapanku padanya begitu besar. Tapi . . . dia . . . dia tergamak . . ." (hlm. 67).

Nurdiah memberikan kasih sayang yang ikhlas dan sepenuhnya kepada Bakar. Tetapi Bakar pula sudah mempunyai tiga orang anak. Bakar bukan sahaja mempermainkan perasaan cinta Nurdiah, malah melakukan hubungan seks dengan Nurdiah. Akhirnya Nurdiah berasa kehilangan. Katanya, "Aku menyesal sekarang . . . sudah terlalu jauh aku sesat . . . Aku sudah tidak berharga satu sen pun. Semuanya musnah." (hlm. 66). Dan gadis yang dicabul kesucian sentiasa tidak ada lelaki yang sudi memperisterikannya⁶.

Usia muda seharusnya penuh dengan kegembiraan dan kisah yang indah, namun Nurdiah telah mengalami

kepahitan dalam hidup mudanya. Yang ingin dicarinya adalah cinta yang jujur dan indah, tetapi akhirnya yang didapatinya pula penipuan yang memilukan hatinya. Keadaan seperti ini berulang kali muncul dalam karya-karya penulis wanita. Pada pandangan mereka, adakah percintaan memang sesuatu yang sukar diertikan sehingga mengakibatkan mereka kehilangan keyakinan terhadapnya? Ataupun masyarakat kita memang bersifat toleran terhadap lelaki dan melahirkan sifat lelaki yang suka mengusik perempuan dan mengecewakan cinta mereka?

Penulis wanita dari Sarawak, Jiayan (佳燕), dalam cerpennya "Berlalunya Musim Luruh dan Segala Mimpi" (秋残夢頌) mengisahkan seorang lelaki yang menggunakan kekacakan rupa dan kekayaannya untuk mempermudah cinta dua orang gadis. Ceritanya adalah seperti yang berikut:

Wajah Kairu (凯如) walaupun biasa, tetapi dia seorang gadis yang baik hati, lemah-lembut dan baik dalam pelajarannya. Dia mendapat perhatian seorang lelaki yang bernama Jiang Jiapei (江家沛) yang cuba memikat hatinya. Pada mulanya Kairu berasa agak terkejut, tetapi lama-kelamaan disedarinya bahawa dia juga menaruh perasaan terhadap Jiang Jiapei. Tetapi

adik Kairu, Kaixin (凱馨), yang dimanjakan oleh ibunya sejak kecil pula merampas teman lelaki kakaknya. Akhirnya Kaixin mendapati dirinya ditipu oleh lelaki kacak itu tetapi semuanya sudah terlambat kerana dia sudah mengandung. Kaixin keguguran anak dan menemui ajalnya akibat kehilangan darah yang terlalu banyak. Peristiwa ini sungguh melukakan hati ibu dan kakaknya. Seperti kata penulis: "Percintaan, selalunya menyebabkan kita kehilangan diri sendiri. Kita menjadi lemah, tidak berarah, serta tidak menghiraukan akibat yang akan melanda dan terus jatuh ke dalam perangkap tersebut." (hlm. 75).

Kairu yang gagal dalam percintaan dan kehilangan seorang adik kesayangannya, terasa amat dukacita. Dia menceritakan pengalaman pahitnya dalam perangkap percintaan tersebut.

Tiada orang memahaminya. Termasuklah dia sendiri juga tidak memahaminya. Memang sudah tahu cintanya penuh dengan penderitaan, namun sukar menjauhkan diri daripadanya. Inikah belenggu percintaan? Ataupun perangkap percintaan? Oh! Mengapa seseorang yang amat mencintai orang lain, rasanya begitu pahit? Mengapa pula Tuhan zalim sebegitu, sanggup menyebabkan dia menjejak kaki ke dalam perangkap itu? Akan tetapi, dia tidak menyesal. Sememangnya dia

sudah mengalami perasaan mencintai dan dicintai orang, walaupun hanya seketika. Tidak dapat dinafikan, dia benar-benar mengalami alam percintaan (hlm. 59).

Kebanyakan gadis memang bersikap begitu. Walaupun cinta membawa kepahitan kepada diri mereka, tetapi bercinta merupakan satu pengalaman yang tidak dikesali. Pada dasarnya mereka semua akan menunjukkan sikap "mother-archetype" yang tabah, toleran dan mudah memaafkan pihak yang melukakan hati mereka. Seperti watak wanita utama dalam "Matanya Masih di Pintu", walaupun hatinya dihancurkan oleh teman lelakinya, namun dia rela hidup keseorangan seumur hidup dan tidak pernah berfikir untuk membalas dendam. Dia memberikan khidmatnya kepada rumah anak-anak yatim untuk menyambung hidupnya.

Dalam cerpen "Kau Takkan Menangis Lagi", Mastura telah ditinggalkan oleh teman lelakinya. Walaupun pada mulanya dia menangis dengan sedihnya, namun akhirnya dia berjaya menemui hidup barunya dengan menumpukan perhatian dalam bidang penulisan dan bercinta sekali lagi untuk mengubati luka yang lalu.

Dalam karya-karya penulis wanita, terdapat juga ramai wanita yang hati mereka dilukai oleh teman lelaki tetapi mereka tetap bersifat toleran terhadap bekas kekasih mereka. Malah mereka menyebelahi kekasih atau isteri bekas kekasih mereka demi memelihara kebahagiaan keluarga kekasih mereka itu. Mereka tidak berfikir untuk membala dendam atau memusnahkan kebahagiaan keluarga kekasih mereka.

Cerpen Maimon Abdul Rahman "Tiada Dendam" (1975)⁴ jelas menepati judulnya. Dalam cerita itu, Maznah, kawan watak wanita utama, Fah, telah berkahwin dengan Annuar, teman lelaki Fah. Akibatnya, Fah hidup merana. Selepas tiga tahun, Maznah datang menziarahinya. Hati kecil Fah pada masa itu sudah pulih. Katanya, "Biarlah aku kesabaran menentang ini semua, jika boleh. Benarkah ini suatu pengorbanan? Entahlah". (hlm. 100).

Fah sememangnya sudah memaafkan kawannya yang pernah merampas teman lelakinya dengan hati yang tenang. Dia juga membebaskan Annuar daripada kesalahan tersebut. Katanya, "Annuar juga tidak boleh disalahkan. Dia lelaki. Dia punya fikiran waras. Dia punya hati dan

perasaan sendiri. Dia boleh memilih sesuatu berdasarkan kegemarannya." (hlm. 103).

Di samping itu, Fah juga berdoa untuk kebahagiaan Maznah. "Percayalah Maznah, cuma aku mahu kau bahagia di samping suami dan anak-anakmu. Bahagia kau, bahagia aku juga." (hlm. 102).

Perempuan seperti Fah yang sanggup memaafkan orang lain serta berkorban memang jarang didapati. Akan tetapi, pada dasarnya mereka memang boleh bersikap toleran terhadap pihak ketiga. Apabila marah, mereka mungkin memujuk hatinya sendiri seperti kata Masniah dalam cerpen "Matanya Masih di Pintu",

"Benar laki-laki itu tidak bertanggungjawab di atas kemusnahan hidupnya. Dia laki-laki zalim. Laki-laki curang. Tetapi perempuan lebih zalim. Lebih curang. Lebih jahat niatnya. Sebab jika perempuan tidak terhegeh-hegeh menonjol diri, laki-laki tidak akan terpikat dan memikat." (hlm. 184).

Akan tetapi, kebanyakan karya penulis wanita seperti cerpen Zaharah Ibrahim "Keberangkatan" (1982)⁵⁵, novel Anis Bunga Biru Berbunga di Hati dan novel Wen Ge

the motives that led them to write was the desire to expose their own suffering, to plead their own cause.”

Wanita yang mengalami kegagalan dalam percintaan atau ditinggalkan oleh lelaki biasanya menggunakan karya penulisan mereka sebagai wadah untuk meluahkan perasaan mereka. Mungkin oleh sebab inilah maka kita dapati bahawa banyak penulis wanita mengetengahkan kehancuran cinta sebagai bahan garapan dalam karya-karya mereka.

3.4 PERCINTAAN SUAMI ISTERI

Titik akhir percintaan adalah perkahwinan. Kaum Cina berpendapat bahawa pasangan kekasih yang dapat hidup bersama-sama seumur hidup dianggap mencapai peringkat yang paling sempurna dalam percintaan. Bagi kaum Melayu yang mempunyai kepercayaan agama Islam, kemesraan antara suami isteri serta kebahagiaan keluarga merupakan kurniaan Tuhan yang maha kuasa. Setiap orang akan berasa kagum dan senang hati semasa melihat pasangan kekasih menjadi suami isteri dan dapat menikmati kemanisan kasih sayang dengan penuh toleransi, saling menghormati serta menghargai madu percintaan.

Terdapat juga penulis wanita menggunakan kepercayaan dan kasih sayang yang kekal abadi antara suami isteri sebagai bahan penulisan dan mengembangkannya lagi. Novel Yun Yichen yang bertajuk Melangkahi Batas-Batas Hidup, menceritakan riwayat hidup watak wanita, Jiamin. Semangat berusaha dan kegigihan Jiamin memang mengagumkan. Namun, ketabahannya menghadapi segala kesengsaraan dan kesediaan bersama-sama suaminya semasa berada dalam penderitaan adalah lebih mengharukan para pembaca.

Dalam cerpen Salmi Manja, kaum wanita berharapan tinggi terhadap perkahwinan walaupun terdapat rintangan dalam kehidupan. Seperti watak wanita dalam Dari Mana Punai Melayang, Kintan, walaupun pulang ke kampung halaman disebabkan suaminya mempunyai hubungan sulit dengan wanita lain, tetapi apabila suaminya meminta maaf dan membawanya pulang, dia masih berharapan terhadap masa hadapannya.

Dalam cerpen Zaharah Nawawi, Setiap Kali Raya Menjelang, penulis menggunakan perasaan yang objektif menganalisis kasih sayang yang wujud antara suami isteri yang tinggal berasingan. Walaupun penulis tidak sengaja menegas dan menceritakan kasih sayang antara suami isteri, tetapi keyakinan perasaan kasih sayang

"Kepercayaan yang agung ialah percaya kepada diri sendiri".(hlm. 190). Begitu kata suaminya. Melalui percakapan ini, ternampaklah ketulusan dan kesetiaan antara mereka. Kasih sayang suami isteri yang sebeginutuh harus dihormati.

Terdapat satu fenomena yang menarik dalam karya penulis wanita. Lelaki yang mempunyai hubungan sulit dengan wanita lain biasanya berasal daripada kelas pertengahan ataupun mereka yang kaya dan berkuasa. Manakala mereka daripada keluarga miskin lebih berupaya mengawal diri. Terdapat satu peribahasa yang berbunyi, "suami isteri yang miskin papa, menghadapi kedukaan sepanjang masa". Kepahitan dalam kehidupan sungguh merisaukan mereka, tetapi kasih sayang yang utuh dan suci biasanya dapat memberi tenaga dan semangat kepada mereka untuk meneruskan lagi perjuangan.

Dalam cerpen Penjualan Rantai(卖项链记) (1981)⁵⁸ yang ditulis oleh Yingyi(英仪), Yutou(芋头) dan isterinya hanya menyara hidup dengan menoreh getah dan menanam pokok buah-buahan. Manakala ahli keluarga mereka terdiri daripada ibu mertua serta empat orang anak yang masih kecil. Pada musim tengkujuh kerja menoreh getah terpaksa dihentikan dan harga buah-buahan

pula merosot. Dengan demikian, nafkah hidup mereka menjadi susah. Semasa melihat suaminya berhujan bersusah-payah menolak basikal tua membawa dua bakul rambutan yang besar menuju ke pekan, isterinya seolah-olah terasa bahawa hujan yang kejam dan tidak berbelas kasihan bukan menimba badan suami yang dikasihinya, tetapi merupakan anak panah yang menikam hatinya dengan kejam. Dia mengambil keputusan untuk menggadaikan rantai emas yang tunggal yang dihadiahkan oleh suaminya semasa berkahwin untuk ditukarkan dengan wang demi menolong suaminya mengatasi kesulitan hidup. Yutou berasa sedih kerana telah menyusahkan isterinya sepanjang masa ini. Namun isterinya berkata dengan lemah-lembut: "Yang penting adalah kita saling menyayangi dan keluarga kita hidup bahagia. Itu saja!" (hlm. 99).

Melalui penulisan Yingyi, kita menemukan bahawa walaupun suami isteri itu hidup menderita di bawah angin ribut yang melanda kehidupan, tetapi dengan adanya kasih sayang, persefahaman dan timbang rasa antara mereka berdua, bahagialah hidup mereka.

Cerpen lain yang menceritakan kasih sayang suami isteri miskin papa daripada kelas bawahan terdapat dalam "Canang"⁵⁹ yang ditulis oleh Zaharah Ibrahim. Seperti Yutou, Senawi bekerja sebagai penoreh

getah. Semasa musim tengkujuh, seperti keluarga Yitou juga, Senawi berasa bingung dan kehilangan akal. Dengan itu, dia terpaksa pergi ke hutan mencari canang dengan harapan untuk mendapatkan wang bagi anaknya dengan Tipah yang bakal lahir. Tetapi dia telah sesat jalan. Tipah tersalah sangka bahawa suaminya telah mati di dalam hutan. Oleh sebab terlalu sedih, Tipah tidak makan dan minum selama seminggu. Akhirnya dia terjatuh dari jendela kerana berada dalam keadaan bingung. Dia meninggal dunia kerana banyak kehilangan darah. Apabila Senawi membawa canang kembali ke rumah dengan perasaan gembira, didapati Tipah telah meninggal dunia. Yang tinggal hanyalah anak yang sedang menangis sambil menceritakan tragedi kematian ibunya.

Walaupun cerita ini menggambarkan kemiskinan, tetapi kasih sayang Senawi terhadap isterinya dan ketaatan Tipah terhadap suaminya jelas kelihatan. Para pembaca memang terharu semasa membacanya.

Suami isteri yang miskin bersama-sama berjuang menghadapi tekanan yang terdapat dalam kehidupan. Perjuangan seperti ini tidak mengira batas budaya dan kaum. Untuk membina keluarga yang bahagia, biasanya kesulitan terpaksa dihadapi. Tetapi, jika boleh saling memahami, bertoleransi dan bertimbang rasa, suami isteri dapat juga hidup bersama. "Jalan ke

"Syurga" cerpen yang ditulis oleh Anis, mengisahkan masalah yang dihadapi selepas perkahwinan antara pasangan yang berlainan agama. Mahani, seorang wanita yang akur kepada ibu bapa dan menghormati suaminya juga. Walaupun berada dalam keadaan serba salah semasa upacara pengkebumian bapanya mengenai peranan yang sepatutnya dimainkan, namun dengan kasih sayang yang terjalin antara suami isteri itu, kita dapat merasakan bahawa mereka berupaya untuk mengatasi cabaran itu.

Semasa muda menjadi suami isteri, apabila sudah tua, jadilah teman hidup pula. Kebanyakan pasangan yang baru berkahwin, disebabkan ingin hidup bersama, maka terpaksa mereka belajar. Selepas melalui satu jangka masa yang panjang, mereka telah dapat menyesuaikan diri. Tambahan lagi kasih sayang yang wujud antara mereka dan anak yang mereka peroleh, kesemuanya menyebabkan mereka menjadi pasangan yang baik yang saling menghargai dan faham-memahami semasa tua. Dalam cerpen, walaupun dinyatakan bahawa kasih sayang suami isteri yang tua tidak hangat, namun, hubungan batin secara halus memang mengharukan. Usia semakin lanjut, anak-anak sudah dewasa dan berpisah jauh. Pada masa ini, hanya kasih sayang yang mendalam dan menebal antara kedua-dua orang tua dapat menambahkan hati mereka untuk menghadapi kesepian waktu senja mahupun pada waktu malam.

Majlis Hari Jadi Pakcik Ah Quan (河全伯的生日宴) yang ditulis oleh Yuesi dan "Ribuan Kasih Sayang dari Saudara-Mara Mengambil Hatiku" (亲情万缕牵我心) yang ditulis oleh Zixi⁶¹ membawa mesej yang sama, iaitu menceritakan perangai anak kehilangan ketaatan dan kepatuhan kepada ibu bapa akibat pengaruh kebendaan dan utilitarianisme yang terdapat dalam masyarakat sekarang. Kedua-dua orang tua mengharapkan kepulangan anak-anak mereka, tetapi segala-galanya diakhiri dengan kekecewaan. Tinggallah pasangan orang tua itu hidup sandar-menyandar bagai aur dengan tebing setelah berkahwin selama beberapa puluh tahun. Perselisihan faham memang tidak dapat dielakkan, namun, kasih sayang antara mereka semakin utuh dan menebal.

"Cinta Tulen, Kasih Sahabat" (真情友爱)⁶² yang ditulis oleh Liu Yunpiao (流云飘) menceritakan hubungan persahabatan dan percintaan. Dalam cerpen yang pendek ini, umurnya baru menjangkau 17 tahun dan masih berfantasi terhadap percintaan. Dalam cerita ini, percintaan antara watak lelaki Lieyang (烈阳) dengan watak perempuan Jingting (静婷) bukan sahaja suci murni dan indah berseri malah tahan diuji. Lieyang mengenali Jingting semasa kematian ibu Jingting. Ketika Jingting berada dalam keadaan yang sedih dan dukacita, Lieyang bukan sahaja memberi galakan bahkan

membantu menjaga keluarga Jingting. Selepas itu, Lieyang meninggalkan tanah air, melanjutkan pelajaran di luar negara. Namun hatinya tetap tidak berubah. Akhirnya dia pulang dan berkahwin dengan Jingting. Mereka berdua saling berkasih sayang menjadi pasangan suami isteri yang bahagia.

Dalam hati wanita muda, percintaan bererti saling menghormati, jujur dan dihayati. Selepas berkahwin, walaupun perasaan cinta semakin tawar, tetapi perasaan kasih sayang sepatutnya masih dikenalkan. Jika terdapat salah satu pihak meninggal dunia, satu pihak yang lain sepatutnya tidak akan berkahwin lagi. Dalam novelet Bukit Hijau (綠色山崗) yang ditulis oleh Baixue menceritakan tidak puas hati Xiaoyi (小伊) terhadap perkahwinan emaknya bagi kali kedua. Dia berkata: "Orang berkahwin disebabkan wujudnya cinta. Maka, jika salah seorang daripada suami isteri meninggalkan dunia, sepatutnya seorang lagi haruslah merindunya dan bukanlah sebegini." (hlm. 57).

Namun kekasihnya adalah lebih rasional. Memarutnya

Jikalau meninggal dunia, memangku tidak akan melupakanmu dengan seketika, tetapi aku juga tidak

akan membunuh diri atau tidak berkahwin seumur hidup. Mungkin aku akan berkahwin lagi, tetapi aku boleh berkata dengan tegas, kupasti tidak akan bercinta dengan wanita yang kedua sedalam percintaanku terhadapmu." (hlm. 59).

Wanita lebih berpegang teguh terhadap cinta. Begitu juga dengan kasih sayang antara suami isteri, iaitu kasih sayang itu haruslah seumur hidup. Inilah sebabnya dalam novel Salmi Manja Hendak Hujan Hujan Sekali, watak wirawati Nisah berasa sedih, benci dan marah benar terhadap Udin, kawan baik suaminya yang baru kematian isteri ingin berkahwin semula dengan kawannya dengan keinginannya sendiri.

Dalam "Apa Yangku Sedang Cari" (我在找尋什么)'' karya Lin Yuesi, gadis yang romantik, selepas berkahwin masih berkhayal dalam alam romantik. Akhirnya, dia sedar bahawa suaminya memang menyayangi dan memahaminya dan inilah yang paling penting baginya. Setelah menyedari dirinya yang sebenar, maka timbullah perasaan gembira dan bahagia.

Apa yang dicari-cari oleh seseorang isteri adalah persefahaman dan kasih sayang daripada suami, bukannya nikmat kebendaan.

Oleh sebab kaum lelaki dan kaum wanita berbeza dari segi jasmani dan psikologi, mereka sering mempunyai pandangan yang berlainan. Mereka perlu saling berkomunikasi, memahami, menghormati, supaya perkahwinan mereka berkekalan. Perkahwinan yang bahagia memerlukan kerjasama kedua-dua pihak suami dan isteri. Sebelum berkahwin kedua-dua pihak perlu berfikir dengan teliti, selepas berkahwin, mereka harus bertolak ansur, bersimpati, menghormati dan memberi galakan sesama mereka untuk menghadapi kehidupan yang penuh dengan rintangan dan cabaran. Dengan ini kasih mereka akan bertambah erat dan kukuh sehingga suasana kekeluargaan terus harmoni dan bahagia.

3.5 KEGHAIRAHAN CINTA

Di negeri China, sastera cinta selalunya menekankan kedamaian rohani dan jarang menyentuh kehendak nafsu yang dianggap kurang rasional. Bagi sastera Barat pula, terutamanya puisi-puisi dalam abad ke-18 dan ke-19, penulis-penulis juga mengutamakan kerohanian dan mengabaikan kehendak jasmani semasa mereka membicarakan persoalan cinta ini. Seperti yang dikatakan oleh cendekiawan China yang bernama Zhou Yingxiong (周英雄):

Cinta, kalau dianggapkan sebagai satu unit dalam struktur masyarakat, maka lebih baik dikatakannya sebagai suatu cara bagi sasterawan untuk menentang kongkongan masyarakat secara subjektif. Mereka berharap menerusi cinta yang tidak mengharapkan balasan itu, mereka dapat mencari keikhlasan cinta sesama manusia.⁶⁵

Dalam sastera Melayu dan sastera Mahua (kecuali sastera picisan), pembicaraan mengenai kisah cinta biasanya berkisar pada pengalaman. Penulis-penulisnya jarang membicarakan kehendak nafsu antara watak lelaki dengan perempuan. Masyarakat di China menganggap "seks" sebagai larangan, manakala ajaran Islam menggalakkan umatnya mengawal kehendak nafsu mereka. Keadaan ini menjadikan karya-karya sastera yang serius, terutamanya karya-karya penulis wanita jarang sekali menyentuh keberahian cinta dan seks.

Namun demikian, penekanan yang keterlaluan terhadap kehendak nafsu telah membangkitkan pertentangan yang hebat terutamanya dalam sastera Barat moden pada awal abad ke-20. Novelis-novelis Barat seperti D.H. Lawrence, Henry Miller dan sebagainya menekankan "seks" dalam karya-karya mereka.⁶⁶

Perkembangan ini telah mengakibatkan dunia sastera Mahua dan Melayu dibanjiri sastera lucah yang menarik minat segolongan pembaca biasa.⁶⁷ Mutu sastera jenis ini rendah dan tidak dianggap sebagai karya sastera.

Berbanding dengan penulis lelaki, penulis wanita lebih terikat dengan kongkongan tradisi. Dalam novel dan cerpen mereka, mereka seboleh-bolehnya menghindarkan diri daripada melukiskan kehendak nafsu supaya tidak menimbulkan sebarang masalah yang tidak diingini. Namun begitu, berikutan dengan keadaan masyarakat yang semakin terbuka, fahaman feminism yang menekankan teori tubuh badan wanita⁶⁸, maka sebahagian penulisan wanita mulai meninjau perasaan dalaman wanita. Sebenarnya, kehendak nafsu merupakan naluri asas manusia. Soal cinta bukan sahaja merangkumi kehendak kerohanian tetapi juga kehendak jasmani. Oleh itu, adegan-adegan seks dalam kisah cinta yang melukiskan khayalan dan keinginan lelaki dan wanita terhadap seks muncul dalam karya-karya penulis wanita.

Cerpen Shang Wanyun yang berjudul "Rahsia" merupakan salah satu contohnya. Watak perempuannya Jingqing baru berumur 19 tahun, tetapi telah berkahwin dengan Xinzong yang sudah berusia 47 tahun. Xinzong selalu mengurus perniagaannya di luar negeri dan

terpaksa meninggalkan Jingqing bersama dengan sepupu Xinzong yang muda belia bernama Zhongyuan.

Oleh sebab perbezaan umur Jingqing dan Xinzong begitu jauh, mereka menghadapi masalah untuk memahami satu sama lain. Tambahan pula, Xinzong selalu menumpukan perhatiannya dalam perniagaannya dan membiarkan Jingqing keseorangan. Jingqing berasa kesepian dan kekosongan. Perasaan ini telah mendorongnya mula tertarik kepada Zhongyuan yang muda itu.

. . . Dia membandingkan suaminya dengan Zhongyuan. Zhongyuan berbadan tegap. Jingqing merasakan bahawa setiap inci tubuh badan Zhongyuan penuh dengan tenaga dan kemudaan. Apabila terfikir akan Zhongyuan, mukanya akan mulai menjadi merah tanpa sebabnya. Kadangkala, dia akan merenung belakang badan Zhongyuan, dan Zhongyuan pula akan merenungnya dengan hati yang terpesona (hlm. 64).

Keadaan saling tertarik hati antara satu sama lain berterusan sehingga pada suatu hari apabila Zhongyuan mabuk akibat minum arak, dia memeluk Jingqing dan memberitahu Jingqing dia mencintainya. Pada saat ini juga, Jingqing merasakan seolah-olah hendak menyerahkan dirinya tetapi akhirnya dia masih dapat mengingatkan dirinya secara rasional bahawa dia adalah

isteri Xinzong. Dia tidak mahu membiarkan nafsu memusnahkan segala-galanya. Dalam hatinya, suami masih merupakan seorang lelaki yang dia harus setia kepadanya.

Oleh itu, dia pun melepaskan diri daripada pelukan Zhongyuan. Beberapa hari kemudian, suaminya pulang, lalu dia pun kembali semula ke pangkuan suaminya. Dia tidak memberitahu suaminya akan kejadian itu. Dia menyimpan rahsia itu dalam hatinya buat selama-lamanya.

Shang Wanyun telah melukiskan perang antara nafsu dengan kesedaran diri dalam batin Jingqing dengan menarik dalam cerpen tersebut. Dia juga menggambarkan perhubungan seks Jingqing dengan suaminya. Meskipun gambaran tersebut hanya disentuh secara sambil lalu, namun pemaparan tersebut boleh dianggap sebagai suatu kemajuan atau "breakthrough" dalam masyarakat tradisi pada tahun-tahun 70-an itu.

Sebuah cerpen Shang Wanyun yang lain yang bertajuk "Sembilan Puluh Sembilan Batang Jalan yang Berselekok" (九十九弯道)⁶⁹ juga membicarakan hubungan antara suami isteri. Latar belakang kisah ini terletak di sembilan puluh sembilan batang jalan yang berselekok di sempadan Thai dan Malaysia yang menjadi sarang

pengganas-pengganas komunis. Isi ceritanya juga berliku-liku. Bai Yudie (白玉蝶) telah berkahwin dengan Li Lingsheng (李嶽生) kerana kekasih lamanya Zhongyi (钟盈) telah memperisteri adiknya Yulin (玉琳). Lingsheng seorang yang tidak romantik, dan hubungan suami isteri pun tidak begitu erat. Pada suatu malam, selepas makan malam di rumah Yulin, Bai Yudie merasa kehilangan sesuatu. Apabila suaminya ternampak perangainya sedemikian, dia pun merasa cemburu lalu menyindir isterinya dengan kata-kata yang sinis. Masing-masing memendam rasa tidak puas hati sepanjang perjalanan pulang.

Kebetulan pula masa itu masa darurat dan kereta mereka tidak boleh menuju ke depan. Kedua-dua mereka saling menuduh dalam kereta sehingga membangkitkan nafsu masing-masing. Akhirnya suami isteri itu berbaik semula selepas melalui detik-detik yang menghairahkan. Dalam cerpen ini, Shang Wanyun telah melukiskan perasaan curiga, cemburu, sayang, dendam dan nafsu antara suami isteri dengan terperinci dan menarik. Pada pandangan penulis, kehidupan suami isteri sememangnya berdasarkan kasih sayang, namun hubungan seks juga memainkan peranan yang penting. Hubungan seks yang harmoni akan mengukuhkan kehidupan perkahwinan dan mengeratkan hubungan suami isteri.

Cerpen Zaharah Ibrahim yang berjudul "Canang" melukiskan kemesraan antara sepasang suami isteri yang bernama Senawi dan Tipah. Di samping memaparkan perasaan kasih sayang antara mereka dalam kehidupan mereka sehari-hari, penulis turut membayangkan tentang kehidupan seks mereka. Terdapat satu petikan yang menggambarkannya seperti yang berikut:

Pandangan Senawi tertumpu pula kepada Tipah yang terkedang di tengah rumah. Perut Tipah terdedah. Mata Senawi tertumpu ke situ. Pada pandangannya, Tipah cantik. Muka Tipah bujur sirih, kulitnya putih, bibirnya kecil, sementara badannya gempal dan bangun tubuhnya sederhana. Sudah lama benar dia tidak mengusik tubuh itu. Tiba-tiba sahaja keinginan nafsunya bergelodak.

Mengingatkan kesihatan Tipah yang sering terganggu, keinginannya itu dipadamkan. Kalau tidak kerana penyakit darah tinggi yang dihadapi oleh Tipah, sudah pastilah dia akan menggumul tubuh yang sedang sarat itu. (hlm.51-52).

Sungguhpun gambaran penulis itu membawa unsur-unsur seks, tetapi gambaran itu nampaknya hidup dan bersahaja. Gambaran itu tidak seperti karya-karya yang hanya menghuraikan seks tanpa asas kasih sayang. Karya-karya yang memaparkan seks semata-mata bukan

sahaja tidak mempunyai sifat-sifat sastera yang indah, malah meruntuhkan nilai moral masyarakat.

Penulis wanita Melayu tidak begitu berani untuk menghuraikan seks, namun terdapat juga kekecualian. Sebagai contoh, Siti Zaiton Dimyati telah menghuraikan seks dengan beraninya. Novelnya yang berjudul Esok Masih Ada⁷⁰ mengisahkan seorang gadis kampung, Rubiah, yang teman lelakinya telah jatuh cinta pada gadis lain. Oleh sebab dia tidak tertahan lagi dengan ejekan orang-orang kampung, dia pun meninggalkan kampung halamannya dan pergi ke bandar. Malangnya dia telah dipengaruhi oleh orang jahat dan terjerumus ke dalam lembah penghinaan. Sungguhpun pada akhir cerita tersebut, penulis mengaturkan supaya Rubiah kembali semula ke pangkal jalan melewati kekuatan agama, namun dalam novel itu memang penuh dengan gambaran yang berani dan terus terang tentang seks. Penerbit novel ini telah menulis sedemikian dalam muka hadapan novel ini:

Esok Masih Ada ini merupakan pendedahan secara terus terang oleh seorang wanita yang jadi mangsa kota. Ia ditulis sedemikian "daring", baik dari segi dialog ataupun jalan bahasanya berdasarkan pergaulan dan sosialisasinya dengan masyarakat jembel yang bobrok.

Siti Zaiton Dimyati bukan sahaja merupakan penulis wanita Melayu yang paling berani menghuraikan seks, malah gambarannya juga lebih berani daripada penulis-penulis wanita Mahua. Ini merupakan suatu "keistimewaan" di kalangan penulis wanita. Mengikut Ellen Moers,

If women writers do succeed with the expression or the dramatization of passion, if they do create an attractively erotic male character, their real life experience at once becomes the only subject of critical discussion. Their biographies are assiduously examined for evidence of scandal or romance, and if nothing is forthcoming their scenes or poems of love are reassessed, to be pronounced untrue to life, unsatisfying, imitative. The criticism invades the literary woman's life. If the woman who writes warmly about love is alive, she is subject to insulting gossip, rude proposals, and obscene phone calls.⁷¹

Namun begitu, berikutan dengan peningkatan taraf penilaian pembaca dan penulis-penulis wanita memikul tanggungjawab untuk memaparkan isi hati wanita, maka penulisan yang menggambarkan seks secara keterlaluan, makin dapat diterima oleh masyarakat umum. Hal ini telah mendorong semakin ramai penulis wanita

lebih berani untuk menggambarkan diri wanita yang sebenarnya selepas tahun-tahun 70-an.

3.6 HUBUNGAN KEKELUARGAAN

Hubungan kekeluargaan merupakan asas segala perasaan manusia. Sejak dilahirkan, seseorang dapat menikmati kebahagiaan hidup kerana adanya kasih sejati yang diberikan oleh ibu bapa. Oleh sebab kebahagiaan ini terbit daripada jerih perih ibu bapa menjaga, membesarkan dan mendidik anak, maka setiap bangsa di dunia menekankan kepentingan ketaatan kepada ibu bapa sebagai satu etika hidup mereka. Bagi kaum Cina, mereka amat mementingkan ketaatan kepada ibu bapa. Ajaran Kung Futsu menekankan kesetiaan, ketaatan, kemanusiaan dan keadilan. Dalam Lun Yu (论语)⁷², Confucius tidak jemu-jemu menanya muridnya bagaimana hendak menjelaskan erti sebenarnya ketaatan kepada ibu bapa. Bagi orang Melayu pula, agama Islam yang mempengaruhi kebudayaan mereka juga amat mementingkan ketaatan kepada ibu bapa. Ajaran tentang ketaatan kepada ibu bapa sering dipaparkan dalam al-Quran dan hadis Nabi Muhammad s.a.w.. Timbul ungkapan yang berbunyi: Syurga itu terletak di bawah kaki ibu.

Peranan yang dimainkan oleh wanita dalam masyarakat berkait rapat dengan hubungan kekeluargaan. Sebelum berkahwin, seseorang wanita tinggal di rumah menolong ibu bapa, menjaga adik dan mempunyai peluang yang lebih banyak mendampingi ibu bapa. Juateru itu, mereka mempunyai hubungan yang lebih erat dengan ibu bapa mereka. Selepas berkahwin, mereka memainkan peranan sebagai isteri dan ibu. Peranan ini membolehkan mereka memahami kesusahan melahirkan dan mendidik anak. Dengan itu, mereka lebih menyayangi dan memahami ibu mereka. Dalam masyarakat yang mengamalkan sistem pembahagian kerja sekarang, kaum lelaki biasanya bekerja di luar. Oleh yang demikian, peranan mereka dalam menjaga dan melayan orang tua adalah kurang menonjol berbanding dengan peranan yang dimainkan oleh kaum wanita. Sehubungan dengan itu, kaum wanita didapati lebih tahu menjaga orang tua, memahami keadaan mereka serta lebih prihatin dan mesra dengan mereka.⁷³

Dalam karya-karya penulis wanita, kita dapati bahawa mereka sentiasa menggambarkan pengorbanan wanita terhadap keluarga seperti menjaga dan melayani orang tua mereka. Pengorbanan mereka mungkin dihargai oleh ibu bapa dan adik-beradik mereka atau kadangkala

menjadi sia-sia sahaja. Daripada kisah-kisah yang dipaparkan oleh penulis-penulis wanita, kita dapati bahawa walaupun tidak mendapat kasih sayang daripada ibu bapa dan berasa sedih, namun kaum wanita memegang teguh prinsip ketaatan kepada ibu bapa. Dengan perkataan lain, menurut pandangan penulis wanita, ketaatan kepada ibu bapa masih merupakan unsur penting dalam mengekalkan kebahagiaan keluarga dan keamanan masyarakat. Namun, dalam masyarakat sekarang, ibu bapa perlu menyelaraskan sikap mereka supaya sesuai dengan tuntutan zaman.

Berikut dengan perkembangan masyarakat sekarang yang berasaskan perindustrian dan perdagangan serta mengutamakan sistem keluarga yang kecil, maka generasi baru menjadi begitu sibuk dalam kerjaya mereka dan dengan ini hubungan mereka dengan ibu bapa semakin renggang. Soal ketaatan kepada ibu bapa mulai menghadapi dugaan. Justeru itu, penulis-penulis wanita dalam zaman akhir 70-an, mulai memaparkan masalah jurang perbezaan pemikiran antara ibu bapa dengan anak. Dalam karya-karya mereka, kita dapati bahawa anak-anak tidak lagi mematuhi kata-kata ibu bapa sepenuhnya. Setengah-setengah mereka mungkin cuba memenuhi tuntutan ibu bapa mereka tetapi tidak terdaya, malah ada antara

mereka terus mengabaikan kehadiran ibu bapa mereka. Penulis-penulis wanita mengemukakan masalah ini dengan nada yang sedih sekali. Menerusi karya-karya mereka, mereka berharap dapat memberikan mesej yang jelas dan mengingatkan orang ramai supaya prihatin terhadap masalah ini. Dengan ini, keharmonian keluarga dapat dikekalkan dan warga tua akan dapat menikmati kasih sayang anak-anak mereka dengan sewajarnya.

Sifat istimewa wanita yang lemah-lembut dan manja jelas menyerlah dalam hubungan mereka dengan ibu mereka. Dalam karya-karya penulis wanita hampir kesemua watak wanita masih mempunyai sifat manja seperti gadis sebelum berkahwin apabila berhadapan dengan ibu bapa mereka. Mereka juga menyayangi ibu mereka dan hubungan mereka dengan ibu adalah mesra sekali. Novel Fatimah Busu yang mirip autobiografi, Kepulangan⁷⁴, menceritakan kesusahan hidup seorang ibu. Dengan agak terperinci, penulis menggambarkan sifat seorang ibu yang bersusah-payah menyara seisi keluarga, mengurus kerja-kerja di dalam rumah, mendidik anak dan melayan suami dengan baik. Dalam pada itu, novel ini menggambarkan hubungan yang begitu mesra antara ibu dengan anak perempuan bongsunya.

Khadijah Hashim juga banyak menceritakan hubungan mesra antara ibu dengan anak perempuannya. Dalam novelnya, Badai Semalam, kedua-dua ibu dan anak perempuan, Bidah dan Mazni bergantung hidup antara satu sama lain. Bidah yang digolongkan sebagai wakil wanita tradisional adalah seorang janda yang memelihara anaknya Mazni seorang diri. Dia tidak berkahwin semula dan mencurahkan kasih sayang yang sepenuhnya kepada Mazni. Mazni pula amat mentaati ibunya dan dia membalaikasih ibunya dengan sentiasa menggembirakan hati ibunya.

Satu lagi novel Khadijah Hashim, Jalan ke Kubur¹⁵ mengisahkan pesakit kusta bernama Tamin yang pulang setelah mendapat rawatan di hospital. Dia mendapat celaan daripada seluruh penduduk kampung. Namun, hanya ibunya tetap menerima dan menyayanginya. Kata ibunya, "Walau bagaimana buruknya muka kau, kau anak aku juga." Kata-kata itu telah memberikan kekuatan kepada Tamin untuk terus hidup dalam dunia ini. Kasih sayang yang diberikan oleh ibunya tidak dapat dibalasnya. Dia hanya menaruh harapan ibunya dapat hidup dengan lebih baik dan sempurna pada masa yang akan datang. Malangnya,

harapannya ini hancur berkecaci apabila semua penduduk memulaukan seisi keluarga yang malang itu.

Cerpen Khadijah Hashim "Budi yang Tak Terbeli" dan beberapa cerpen yang lain semuanya menggambarkan cerita mengenai anak perempuan yang ingin membala jasa ibu mereka supaya ibu mereka dapat menikmati kebahagiaan dan kesenangan dalam sisa usia tua mereka. Dalam cerpen "Budi yang Tak Terbeli" ibu telah menghabiskan sepanjang hayatnya untuk membesarakan anak-anaknya. Walaupun usia ibu agak lanjut, ibu masih tinggal seorang diri di kampung melakukan kerja sendiri seperti membela ayam. Dalam mata anak perempuannya, ibu memang hidup begini sepanjang hayatnya. Keadaan ibu amat memilukan. Sepanjang hidupnya ibu tidak pernah menjelaskan kaki ke bandar. Oleh itu, anak perempuannya berhasrat membawa ibu tinggal beberapa hari di bandar. Ibunya terpaksa menolak hasrat anaknya itu walaupun dia memahami keikhlasan hati anaknya kerana tidak sanggup meninggalkan tanah yang dikerjakan sepanjang hayatnya.

Tema-tema ini nampaknya amat diambil berat oleh kebanyakan penulis wanita. Bahan-bahan daripada kehidupan yang sebenar ini digarap oleh penulis-penulis wanita dalam karya-karya mereka. Dalam menangani

keadaan hidup masyarakat moden sekarang, wanita dari dua zaman yang berbeza ini sebenarnya berada dalam keadaan serba-salah. Keadaan ini dapat kita lihat dalam cerpen Zurinah Hassan yang berjudul "Nenek"¹⁷ yang mengisahkan hubungan mesra seorang nenek dengan cucu perempuannya.

Oleh sebab kedua-dua ibu bapanya meninggal dunia dalam suatu kemalangan, "aku" telah dijaga dan dibesarkan oleh nenek dan datuknya. Nenek amat menyayangi "aku". Tanpa menghiraukan ejekan orang kampung, nenek tetap menghantar cucunya ke sekolah. Nenek amat mengambil berat terhadap pelajaran "aku" sehingga jarang-jarang menyuruh "aku" membuat kerja-kerja rumah kerana hendak "aku" menumpukan perhatian sepenuhnya pada pelajarannya.

"Aku" membesar di bawah penjagaan neneknya dengan baik. Oleh itu, "aku" menanti masa untuk menghادiahinya nenek dan Tuk Ayah dengan segala keselesaan. (hlm. 69). Malangnya Tuk Ayah telah meninggal dunia. Dengan ini "aku" pun mencurahkan segala kasihnya kepada neneknya. Selepas tamat pelajaran di universiti, dia berjaya mendapat pekerjaan yang baik dan bersuamikan seorang lelaki yang bergaji

tinggi. Pada masa itu, "aku" hendak membuktikan segala kasih sayangnya kepada neneknya. Namun, apabila neneknya meninggalkan kampung halaman yang dicintainya dan tinggal bersama-sama "aku" di bandar yang sibuk, "aku" dan suaminya pula sibuk dalam hal masing-masing sehingga tiada orang menemani nenek dan menjaganya. Akhirnya, nenek terpaksa meminta "aku" menghantarnya pulang ke kampung. Katanya,

"Hantarlah aku balik ke Kedah. Aku tidak mahu mati di sini. Di Kuala Lumpur kuburnya jauh terpencil, tidak berhampiran masjid seperti di kampung kita."(hlm. 72-73).

Kesibukan kehidupan di bandar telah menyebabkan seseorang anak tidak berupaya untuk menunaikan tanggungjawab terhadap ibu bapanya. Tambahan pula, berikutan dengan perkembangan hidup yang lebih mementingkan kebendaan serta kesan pertembungan cara hidup Barat yang bersifat individualistik, maka sebahagian generasi baru kini tidak begitu mengutamakan hubungan kekeluargaan. Keadaan ini telah mengakibatkan ibu bapa yang menaruh harapan tinggi terhadap anak berasa kecewa dan sedih.

Dalam cerpen Zixi yang berjudul "Empat Kepul Asap" (四縉烟), anak dan menantu perempuan telah memperlakukan ibu yang tinggal bersama-sama mereka sebagai orang gaji. Watak Li Piao dalam cerpen Aiwei "Perpindahan yang Tidak Gembira" (乔迁不喜) (1982)⁷⁹ mendidik anaknya sehingga menjadi doktor. Namun apabila anaknya berpindah ke rumah besar selepas berjaya dalam kerjayanya, ayahnya dibiarkan tinggal di rumah usang yang tidak dibaiki. Pak Fu dalam cerpen "Dusun Durian Pak Fu" (福伯的榴莲园) (1982)⁸⁰ karya Aiwei, walaupun telah lanjut usianya, namun dia masih bersusah payah mengusahakan dusun durian. Anaknya mengajak kawan-kawannya datang ke dusun durian dan membawa pulang lebih 100 kati durian tanpa menghiraukan penat lelah ayahnya. Cerpen Zixi "Orang yang Ditinggalkan Kucing Liar" pula menceritakan Mak Cik Hao yang membesarkan Zhiguang. Dia menghantar Zhiguang ke luar negeri untuk melanjutkan pelajarannya. Namun, selepas Zhiguang berkahwin, dia terus meninggalkan Mak Cik Hao.

Cerita-cerita membala jasa ibu bapa seperti ini jarang disentuh oleh penulis wanita Melayu. Namun ini tidak bermakna perkara ini tidak berlaku dalam masyarakat Melayu. Dalam cerpen Khadijah Hashim

"Perginya Seorang Putera" (1970)⁸¹, beliau menggambarkan satu cerita yang tragik.

Mak Minah dan suaminya telah menanti begitu lama baru memperoleh seorang anak lelaki bernama Kamal. Mereka amat menyayangi Kamal tetapi Kamal sentiasa mengingkari kata-kata mereka. Apabila dewasa, Kamal menjadi pemuda yang bermasalah. Dia menjadi kutu embun dan jarang pulang ke rumah. Akhirnya, Kamal ditembak mati oleh polis. Walaupun Mak Minah berasa amat kecewa namun dia berpendapat bahawa daripada mempunyai anak yang merosakkan nama baik keluarganya, lebih baiklah anak itu mati awal.

Selain persoalan anak yang derhaka dan tidak membalias jasa ibu bapa, penulis-penulis wanita juga banyak memaparkan persoalan pemikiran antara generasi tua dengan generasi muda. Perbezaan pemikiran ini sebenarnya disebabkan oleh pendidikan dan nilai hidup. Masalah-masalah seperti ini memang wujud dalam masyarakat kita. Oleh itu, para penulis wanita berusaha sedaya upaya mengetengahkannya dalam hasil penulisan mereka.

"Sekapur Sirih Segeluk Air" (1971)⁸² adalah cerpen Khadijah Hashim yang terkenal. Pak Saman adalah seorang bomoh manakala anaknya Farid mengikuti bidang perubatan di universiti. Farid berasa malu terhadap cara bapanya mengubati penyakit dengan membaca jampi dan menggunakan air suci. Namun, setiap kali sebelum balik ke universiti, Farid masih terpaksa meminta wang daripada bapanya untuk membayar tambang perjalannya. Selain itu, bapa Farid terpaksa membayar yuran pelajaran dan perbelanjaan hidup Farid.

Persoalan perselisihan faham antara bapa dengan anak ini memang kerap disentuh oleh Khadijah Hashim. Beberapa buah cerpennya menggarap persoalan ini sehingga terhasil kisah-kisah yang sedih dan menggetarkan.

Watak bapa dalam cerpen "Harapan Terakhir" (1991)⁸³, Encik Buang, adalah mirip kepada watak Encik Halim dalam novel Khadijah Hashim yang berjudul Merpati Putih Terbang Lagi. Kedua-dua watak bapa ini amat mementingkan pangkat dan darjat. Kasih sayang mereka terhadap anak ditentukan oleh pencapaian mereka dalam peperiksaan. Di samping itu, tuntutan mereka terhadap anak mereka adalah berdasarkan

pandangan dan harapan mereka sendiri tanpa menghiraukan minat dan cita-cita anak-anak. Dalam keadaan ini, anak mereka mungkin terpaksa membiarkan bapa mengatur segala-jalanya atau menentang bapa dengan meninggalkan keluarga membawa haluan sendiri. Akan tetapi, haruskah hubungan antara anak dengan bapa menjadi buruk sebegini? Inilah persoalan yang dilemparkan oleh penulis itu.

Cerpen Anis "Cerita Seorang Seniman" (1970)¹⁴ juga menceritakan perkara yang sama. Watak bapa melarang anaknya menjadi seniman oleh sebab pandangan serong daripada masyarakat umum. Keadaan ini menyebabkan anaknya meninggalkan rumah dan mencari impian sendiri. Akhirnya anak itu menjadi seorang ahli muzik yang terkenal, namun hubungannya dengan bapanya masih tidak dapat dipulihkan.

Selain watak bapa yang bersikap begini, terdapat juga watak ibu yang tidak kurang buruk sifatnya. Cerpen Siti Aisah Murad "Dendam Si Nori" (1982)¹⁵ menceritakan seorang ibu yang bersifat kuku besi dan kasar. Watak ini tidak menyayangi anak perempuannya. Dia membuang kucing kesayangan anak perempuannya sehingga anak perempuannya kehilangan

tempat untuk mencerahkan kasihnya. Anak itu tidak mahu makan dan minum, namun ibunya tidak menginsafi kesalahannya, malah menganggap anaknya sudah gila, lalu menyeksa dan menindasnya. Akhirnya anak perempuan itu benar-benar menjadi gila.

Cerpen Anis "Sebuah Impian" (1978) juga menggambarkan nasib tragik yang sama yang dialami oleh seorang anak perempuan. Eton telah berjimat cermat dan bekerja keras untuk memperbaiki keadaan hidup keluarganya. Dengan usahanya adik lelakinya dapat melanjutkan pelajaran, manakala rumahnya dilengkapkan dengan pelbagai alat elektrik. Oleh sebab bekerja terlalu keras, akhirnya dia jatuh sakit. Semasa balik berehat di rumah, dia tidak mendapat layanan yang baik daripada adik dan emaknya. Mereka berpendapat bahawa Eton tidak wajar berehat di rumah tanpa membuat kerja. Eton berasa amat kecewa dan sedih mendapat layanan begini.

Karya-karya penulis wanita Mahua seperti cerpen Jiamin "Berlalunya Musim Luruh dan Segala Mimpi" serta cerpen Shang Wanyun "Gadis Kurang Siuman Bernama Ah Lian" dan "Orang India yang Tinggal di Rumah Papan" semuanya menggambarkan watak ibu yang mempunyai

andangan yang cetek dan mementingkan kekayaan dan tatus semata-mata. Perbuatan mereka bukan sahaja membawa kesengsaraan kepada anak, malah menjelaskan apa depan mereka. Watak ibu seperti ini amat berbeza dengan watak ibu tradisi yang dilukiskan sebagai wanita yang berani, tidak mementingkan diri dan sedia berkorban untuk anak-anak mereka. Barangkali gejala ini mempunyai hubungan yang erat dengan perkembangan pesat masyarakat yang berasaskan perindustrian dan perdagangan. Keadaan yang demikian telah mengakibatkan hubungan kekeluargaan terancam dan nilai turut berubah. Penulis mengambil bahan daripada kehidupan harian dan membentuk perwatakannya sehingga memberi ruangan kepada membaca untuk berfikir.

Setelah meninjau persoalan yang dipaparkan oleh penulis-penulis wanita Melayu dan Mahua terhadap hubungan kekeluargaan, jurang perbezaan dan perselisihan pemikiran antara ibu bapa dengan anak, ita dapati bahawa mereka amat mengambil berat terhadap nit asas masyarakat, iaitu keluarga. Selain berharap ifat membalas jasa ibu bapa dapat terus wujud dalam aman yang penuh dengan perubahan ini, penulis-penulis anita turut berharap ibu bapa dapat menyelaraskan andangan mereka, memberikan kasih sayang kepada anak

dan memahami perasaan anak supaya hubungan kekeluargaan yang harmoni dapat dikekalkan. Sesungguhnya, masyarakat kita hanya akan menjadi aman damai apabila golongan tua dan kanak-kanak mempunyai tempat untuk berlindung dan bergantung.

3.7 RASA PERSAUDARAAN SESAMA WANITA

Virginia Woolf, seorang penulis wanita dari Britain pernah berkata, "*as a woman, I have no country. As a woman, I want no country, as a woman, my country is the whole world*". Kata-kata ini merupakan suara yang tercetus daripada lubuk hatinya dan dijadikan utopia bagi golongan wanita yang memperjuangkan fahaman feminism.

Sebenarnya selain Virginia Woolf, terdapat ramai lagi pemimpin pergerakan wanita yang memberikan tumpuan terhadap hubungan persaudaraan sesama wanita.⁴⁷ Bagi mereka, berdasarkan kenyataan bahawa kaum wanita mengalami nasib dan pengalaman yang sama, hubungan mereka seharusnya melampaui batas bangsa dan kelas. Mereka sepatutnya bersatu padu dan saling menolong antara satu sama lain.

Pendapat yang demikian walaupun dicurigai oleh golongan wanita dari dunia ketiga dan wanita berkulit hitam⁸⁸, namun usaha menyatupadukan kaum wanita supaya dapat bekerjasama serta saling menolong, merupakan cita-cita dan objektif para pejuang pergerakan yang berfahaman feminism pada abad ini. Sehubungan dengan itu, sesetengah penulis wanita menggarap objektif ini dalam karya-karya mereka. Melalui hasil-hasil penulisan, mereka berharap dapat memperkuuh gagasan persaudaraan sesama wanita dan seterusnya memperbaiki masa depan mereka.

Dalam karya penulis wanita tempatan, kita dapat melihat karya-karya yang menggarap hubungan persaudaraan sesama wanita ini. Dalam karya-karya ini, kita dapati bahawa kaum wanita sering mengambil berat, saling membantu serta bersimpati sesama mereka. Barangkali perbuatan mereka dalam penulisan tersebut agak keterlaluan, sepetimana kata-kata Virginia Woolf dalam karyanya yang berpendapat seperti berikut: " . . . we are conscious of a woman's presence - of someone resenting the treatment of her sex and pleading for its rights. This brings into women's writing an element which is entirely absent from a man's . . ."⁸⁹ Walau bagaimanapun, memang tidak dapat disangkal bahawa kaum wanita lazimnya akan mendapat galakan dan simpati daripada wanita lain apabila menghadapi kegagalan dan

kesengsaraan hidup. Hubungan persaudaraan sedemikian sebenarnya menyenangkan hati mereka.

Perasaan persaudaraan yang sebenar datangnya daripada keluarga sendiri. Hal ini demikian kerana selain rasa kasih sayang, saudara-saudara kandung mempunyai pertalian darah. Pada umumnya, hubungan adik-beradik adalah akrab. Pertolongan sesama mereka bukan sahaja dari segi kewangan, malah perhatian dan pengorbanan yang ikhlas. Seperti dalam cerpen Anis "Kasih Sayang" (1971)⁹⁰, beliau telah menceritakan bagaimana seorang kakak menjaga dan mengasihi adik perempuannya.

Fatimah merupakan anak bongsu dalam keluarganya yang mempunyai empat orang adik-beradik. Pada mulanya, hubungan antara Fatimah dengan kakaknya, Rubiah, tidak begitu rapat. Tetapi, setelah Fatimah lumpuh akibat kemalangan sewaktu latihan jasmani, Rubiah telah mencurahkan kasih sayang sepenuhnya untuk menjaga adiknya serta memberikan galakan dan membantu melatihnya supaya dapat berdiri semula. Pada awalnya, Rubiah bercita-cita menjadi seorang sasterawan tetapi kerana hendak mengubati Fatimah, dia telah mengubah fikirannya dan mengambil keputusan untuk menjadi seorang doktor. Malangnya, pada tahun Rubiah menduduki peperiksaan STPM, dia menghidap penyakit jantung.

Akibatnya, Rubiah meninggal dunia. Walaupun Fatimah kehilangan kakak yang paling disayanginya, namun dia berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk melatih dirinya supaya dapat berdiri dan berjalan sendiri. Akhirnya, dia pulih seperti sediakala dan kembali semula ke sekolah untuk meneruskan pelajarannya. Dengan usahanya, Fatimah berjaya mendapat ijazah perubatan dan memenuhi cita-cita kakaknya.

Walaupun cerpen Anis ini ditulis seolah-olah untuk menyentuh hati pembaca, namun niat penulis yang ingin menonjolkan kasih yang mulia antara adik-beradik memang jelas. Sesungguhnya, jika semua ahli keluarga saling menyayangi, sehingga setiap individu dapat menikmati kemesraan persaudaraan itu, maka kehidupan sesebuah keluarga pasti akan lebih harmoni dan masyarakat juga akan lebih aman dan damai.

Cerpen Jiayen yang berjudul "Berlalunya Musim Luruh dan Segala Mimpi" walaupun merupakan sebuah kisah cinta, namun apa yang dibicarakannya masih mengenai perasaan persaudaraan adik-beradik. Dalam cerpen ini, oleh sebab ibu terlalu memanjakan anak perempuannya yang lebih cantik daripada kakaknya, maka anak itu selalu menindas kakaknya. Namun, kakaknya masih bersabar dengan sikap adiknya dan menyayanginya dengan sepenuh hati. Akhirnya, adiknya menyedari kasih sayang

kakaknya yang murni itu, tetapi segalanya sudah terlambat kerana dia sendiri meninggal dunia akibat keguguran anak. Menerusi watak kakak itu, penulis berjaya mengharukan perasaan pembaca dan seterusnya menjadikan watak kakak itu sebagai teladan kepada pembaca.

Dalam kehidupan biasa, seorang kakak selalunya akan memaafkan kesilapan yang dilakukan oleh adiknya. Seorang kakak juga akan bersimpati dengan kegagalan dan kekecewaan yang dialami oleh adiknya dan menjaga adiknya dengan sepenuh hati. Kasih sayang seperti ini jika dikembangkan antara kaum wanita, maka akan terjalinlah perasaan persaudaraan sesama mereka. Sesungguhnya perhatian yang diberikan kepada kaum wanita ini membayangkan sikap penulis terhadap persoalan wanita. Menerusi karya-karya mereka, penulis-penulis wanita ingin mengetengahkan persoalan wanita kepada masyarakat umum dan seterusnya mendapat perhatian yang sewajarnya.

Novel yang ditulis oleh Salmi Manja lebih bercorak biografi. Novel sulungnya yang berjudul Hari Mana Bulan Mana selain menceritakan kejadian harian yang berlaku di sekelilingnya, penulis juga memberikan perhatiannya kepada wanita-wanita di sekitarnya. Misalnya dalam kisah seorang janda yang bernama

Karminah, sebagai wartawan, watak "saya" memang berhasrat untuk mencungkil segala rahsia di sebalik Karminah, tetapi sebagai wanita pula, dia bersimpati terhadap Karminah. Dia menghulurkan bantuan kepada Karminah dengan hati yang ikhlas dan berharap Karminah serta anaknya dapat menikmati kehidupan yang lebih selesa. Apabila penulis mengetahui bahawa Karminah tidak dapat berkahwin lagi kerana fitnah bekas suaminya yang menuduhnya berlaku curang, maka "saya" bukan sahaja benci terhadap bekas suami yang kejam itu, malah berharap agar mahkamah syariah dapat menimbangkan nasib kaum wanita dengan lebih saksama. Sebenarnya, "saya" tidak mempunyai sebarang pertalian darah dengan Karminah, tetapi dia begitu mengambil berat terhadap Karminah semata-mata kerana dorongan perasaan persaudaraan sesama wanita itu.

Selain Karminah, "saya" juga amat mengambil perhatian terhadap seorang gadis yang bernama Zamilah. Dia berasa khuatir kalau-kalau Zamilah terperangkap oleh penipu cinta memandangkan Zamilah masih mentah. "Saya" juga bimbang bahawa Zamilah akan sesat langkah dalam pergolakan hidup di kota. Perasaan kasih ini jelas terpapar dalam karya tersebut. Perasaan sedemikian sekali lagi tertonjol dalam sebuah novel Salmi Manja yang lain yang berjudul Hendak Hujan Hujan Sekali.

Dalam novel Salmi Manja Sayang Ustazah Sayang, beberapa orang ustazah itu saling mengambil berat dan saling membantu sesama mereka. Pada masa yang sama, mereka turut mengambil berat terhadap keadaan ibu-ibu murid mereka. Barangkali perasaan ini didorong oleh didikan agama yang menggalakkan umatnya memberikan kasih sayang kepada setiap makhluk. Namun, pertolongan dan kasih sayang yang wujud sesama wanita ini sebenarnya merupakan satu manifestasi perasaan persaudaraan.

Dalam novel Entah Mengapa Hatiku Duka, tiga orang watak utamanya, "Aku", Salmah dan Norjana sama-sama belajar di sebuah sekolah berasrama. Ketiga-tiga mereka berasal daripada keluarga yang kurang bahagia. Lantaran itu, mereka mencari kasih sayang dan ketenangan daripada hubungan persahabatan mereka. Walaupun akhirnya ketiga-tiga orang gadis itu jatuh hati kepada Zainal, seorang lelaki yang bekerja di sebuah kedai runcit, namun mereka masih mengekalkan persahabatan mereka yang erat itu.

Cerpen Intan Jaafar, "Cabaran"⁹² menceritakan kisah keluarga Mas Rina yang tidak bahagia. Ibu Mas Rina lebih menyayangi abangnya dan tidak menghiraukan Mas Rina langsung. Ayahnya juga tidak mengambil berat

terhadap Mas Rina. Mujurlah rakan sekerjanya, Nor, memahaminya dan sering memberi sokongan dan galakan kepadanya. Seperti kata penulis, "Kerana persefahaman kesetiaan itulah mereka kekal berkawan bertahun-tahun lamanya." (hlm.73).

Bagi kaum wanita, mereka biasanya akan memperoleh kegembiraan daripada perhubungan persahabatan yang terjalin sesama mereka. Perbuatan berbual-bual dengan kawan serta bertukar-tukar pendapat dan pandangan sesama mereka merupakan saluran untuk melegakan hati bagi suri-suri rumah tangga. Di samping itu, hubungan mesra sesama mereka dianggap sangat penting oleh mereka.¹³ Penulis-penulis wanita sering memaparkan hubungan sedemikian dalam karya-karya mereka. Cerpen Salmah Mohsin yang berjudul "Semalam di Kuala Lumpur"¹⁴ sememangnya membicarakan hubungan mesra ini.

Marini telah meninggalkan ibu kota bersama-sama suaminya. Dia berasa rindu kepada Kuala Lumpur, lebih-lebih lagi kawan-kawannya. Sepertimana yang digambarkan oleh penulis; "Marini rindu semula untuk bertemu kembali teman-temannya, rindu untuk mendengar celoteh-celoteh mereka dan rindu untuk menyaksikan putaran-putaran kisah di kota yang tak pernah putus-putus."(hlm. 29).

Untuk memenuhi hasratnya ini, Marini meminta ibunya menjaga anaknya, lalu menaiki taxi menuju ke Kuala Lumpur untuk menziarahi kawan-kawannya. Kawan-kawannya bukan sahaja menyambut kedatangannya dengan hati yang gembira, malah telah mengambil cuti sehari supaya dapat menemaninya. Kemesraan hubungan mereka dapat kita perhatikan dalam petikan yang berikut,

Temannya Shamsiah yang memang sudah lama menunggu-nunggu kedatangannya itu begitu gembira sekali menerima ketibaan Marini yang memang dikasihi sebagai adiknya sendiri itu. Biarpun mereka tidak mempunyai pertalian darah namun, kemesraan yang terjalin di antara mereka begitu intim. Begitu kental (hlm. 29).

Sewaktu bersama-sama, mereka dapat berbual-bual dari hati ke hati serta bertukar-tukar pandangan terhadap sesuatu kejadian. Segala suka dan duka dapat diluahkan dan dikongsi bersama. Perasaan sedemikian sememangnya indah.

Dalam masyarakat sekarang, kaum wanita terpaksa menghadapi pelbagai tekanan. Oleh itu, dengan berkongsi pengalaman sesama teman wanita yang lain, saling memberikan galakan dan sokongan, barulah kaum wanita memperoleh semangat dan keberanian untuk

menghadapi cabaran-cabaran dalam kehidupan mereka. Keadaan ini banyak dipaparkan oleh penulis-penulis wanita dan hanya pembaca-pembaca wanita lah yang akan memahaminya. Pada hakikatnya, galakan dan sokongan yang diberikan oleh penulis-penulis wanita menerusi karyakarya mereka yang bercorak biografi itu juga merupakan suatu bentuk penjelmaan perasaan persaudaraan sesama wanita itu.

Perasaan persaudaraan terhadap teman sesama wanita ini kadangkala melampaui pertalian darah. Cerpen Anis "Cenderamata" (1968)¹⁵ yang menjadi judul antologi cerpennya memang memaparkan hal ini. Cerpen ini telah diberikan penilaian yang agak tinggi oleh Hashim Awang.¹⁶ Watak utama Sakinah, yang buta kedua-dua belah matanya, bukan sahaja mendapat jagaan daripada teman karibnya, Aziah, malah Aziah telah mendermakan matanya kepada Sakinah, sebagai cenderamata sebelum menghembuskan nafas terakhir dalam suatu kemalangan.

Apabila seseorang wanita itu menghadapi sesuatu masalah, lazimnya dia akan mencurahkan perasaannya kepada wanita lain dan mendapat ketenangan daripada sokongan dan dorongan yang diberikan. Hubungan seperti ini jarang-jarang terdapat pada kaum lelaki. Hal ini ^{terjadi} demikian mungkin kerana kaum lelaki

selalunya dianggap sebagai golongan yang gagah dan berani dalam masyarakat kita. Jadi, mereka takut jika meminta pertolongan daripada orang lain akan menjelaskan imej mereka. Selain itu, keadaan ini mungkin juga disebabkan kaum lelaki mempunyai kedudukan yang lebih tinggi dalam masyarakat sekarang.⁹⁷ Mereka sering menimbulkan pelbagai masalah kepada kaum wanita, tetapi kaum wanita biasanya tidak boleh mengapa-apakan mereka dalam sistem masyarakat sekarang. Oleh yang demikian, penulisan mengenai perasaan persaudaraan sesama wanita itu menjadi ciri keistimewaan penulis-penulis wanita.⁹⁸

Perasaan persaudaraan sesama wanita ini bukan sahaja wujud di kalangan kaum yang sama, malah melampaui batas agama, budaya dan bangsa. Cerpen "Xialihe" (夏丽荷)⁹⁹ yang ditulis oleh Shang Wanyun menceritakan persahabatan antara wanita Cina dengan Melayu. Shariha telah berkahwin dengan seorang lelaki yang tidak baik dan akhirnya dia membuat keputusan untuk meninggalkan suaminya. Di sebuah pekan lain, dia telah berkenalan dengan seorang lelaki lain yang bernama Yahaya. Namun perbuatannya itu tidak disenangi oleh masyarakat pekan yang konservatif itu. Mereka memandang serong terhadap Shariha. Dalam keadaan demikian, hanya Yali seorang sahaja yang memberi sokongan dan simpati kepada Shariha. Meskipun akhirnya

Shariha kehilangan cintanya dan meninggal dunia akibat tamparan yang hebat itu, namun dia seharusnya berpuas hati kerana memiliki seorang kawan yang baik seperti Yali.

Dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum ini, perasaan persaudaraan sesama wanita yang melampaui batas kaum seperti yang dipaparkan oleh Shang Wanyun itu juga sering dibicarakan oleh penulis-penulis lain. Umpamanya Zaharah Nawawi yang melanjutkan pelajarannya ke Jepun. Persahabatan antara gadis Jepun dengan gadis Melayu dan bantuan yang dihulurkan oleh gadis Jepun itu semuanya diutarakan dalam novelnya Sebelum Berhujungnya Musim Bunga. Cerpen "Minna" (美女) (1981)¹¹ yang ditulis oleh Zeng Pei juga menceritakan perasaan persaudaraan antara seorang gadis Cina dengan seorang gadis Melayu. Lina adalah seorang yang cacat anggotanya, tetapi bersikap optimis dan penuh bersemangat. Lina dan "aku" adalah rakan sedarjah sejak di bangku sekolah lagi, dan mereka menjadi teman yang rapat. Selepas tamat sekolah, Lina menghadapi pelbagai rintangan dalam hidupnya. "Aku" telah berusaha sedaya upaya untuk membantunya sambil mendoakan kebahagiaan hidupnya. Selepas membaca cerita ini, kita berharap agar perasaan persaudaraan sesama wanita ini dapat diperluas kepada seluruh masyarakat, supaya masyarakat kita menjadi lebih harmoni.

Seorang ahli psikologi Taiwan, Li Meizhi (李美枝) yang meninjau perbezaan jantina dari segi tingkah laku masyarakat telah mengemukakan beberapa ciri sifat pasif wanita dalam buku Psikologi Kaum Wanita.¹⁰⁹ Dua sifat pasif yang penting yang dikemukakan oleh beliau ialah:

1. Wanita mempunyai sikap yang suka bergantung kepada orang lain. Apabila wanita menghadapi ancaman atau cabaran, mereka lebih suka meminta pertolongan daripada orang lain. Sebaliknya kaum lelaki pula lebih cenderung untuk mengatasi masalah dengan usaha sendiri.
2. Akibat pengaruh sikap yang suka bergantung kepada orang lain, maka kaum wanita biasanya cenderung untuk mendapatkan kesejahteraan jiwa daripada jalinan hubungan dengan orang lain. Oleh itu, mereka lebih bersifat sosial dan peka terhadap perubahan dalam masyarakat dan balasan daripada masyarakat. (hlm. 203).

Mengikut Li Meizhi lagi, kaum wanita lebih sudi meluahkan rahsia dalam hati mereka secara ikhlas kepada kawan mereka berbanding dengan lelaki.¹¹⁰

Mungkin sebab inilah kaum wanita lebih mementingkan perasaan persaudaraan sesama mereka serta memperoleh manfaat daripadanya. Perasaan ini berkembang menjadi apa yang dikenali sebagai "*sisterhood*".

3.8 KASIH SAYANG TERHADAP BINATANG

Dalam karya penulis-penulis wanita, walaupun watak manusia menjadi tumpuan, namun sesetengah mereka juga menaruh perasaan kasih sayang dan simpati terhadap binatang. Mereka menggunakan binatang sebagai watak utama untuk melukiskan perasaan dan hubungan antara manusia dengan binatang. Daripada gambaran mereka yang halus dan penuh perasaan itu, para pembaca dapat merasai kasih sayang mereka yang begitu mendalam terhadap manusia serta binatang.

Karya Fang Ezen yang bertajuk "Kematian yang Menyedihkan" (伤心) ¹⁰² menceritakan proses membesarkan seekor anjing. Semenjak memelihara anjing itu, dia berasa seolah-olah dirinya telah memperoleh kasih sayang keluarga. Perasaan ini menjadikannya berasa dirinya terikat dan mempunyai tanggungan tertentu. Tiba-tiba dia juga sangat mengambil perhatian terhadap kejayaan atau kegagalan. Akibatnya, apabila anjing kesayangannya mati, dia seakan-akan terasa "kesejukan dan kehampaan" dengan kematian itu.

Bagi penulis-penulis Melayu, oleh sebab larangan agama, maka hampir tiada sebuah karya pun mengenai anjing. Walau bagaimanapun, mereka masih dapat mengisahkan hubungan yang mesra antara manusia dengan binatang melewati watak binatang lain.

Sebagai contoh, cerpen Anis yang berjudul "Jambu" (1977)¹⁰³ menceritakan watak utamanya seekor monyet. Bagi pembaca Malaysia, monyet adalah sejenis binatang yang berkait rapat dengan kehidupan sehari-hari mereka. Kebanyakan orang menyukai kecerdasan dan kecerdikan binatang itu, malah ada di kalangan kita yang mempunyai pengalaman membelanya. "Jambu" telah dijumpai oleh Jamal, suami Faizah di pasar tamu. Jamal menipu isterinya dengan memberitahunya bahawa dia telah menemui cinta baru. Tujuannya adalah untuk membuatkan isterinya mempercayai bahawa dia mempunyai perempuan lain. Tetapi akhirnya Faizah mendapat tahu bahawa cinta baru yang dimaksudkan itu adalah seekor monyet. Dia pun memaafkan suaminya dan membenarkan suaminya membela monyet itu. Kehadiran Jambu di tengah-tengah keluarga Jamal dan Faizah memeriahkan suasana yang sedia sejahtera dan aman damai. Malangnya waktu-waktu sebegini tidak berpanjangan kerana mereka ditukar ke daerah lain. Jadi monyet itu terpaksa ditinggalkan dan ini menyedihkan hati anak-anak Jamal.

"Siapa nak bagi Jambu makan, papa?"
"Kalau dia sejuk, siapa nak
selimutkan dia, mama?" (hlm. 129)

Rasa simpati yang ditunjukkan oleh anak-anak itu jelas menggambarkan perasaan kasih sayang yang ikhlas dan murni antara manusia dengan binatang. Sebelum berpindah, Jamal mengaturkan segalanya dengan baik bagi monyet kesayangan mereka, malah dia merancang untuk melawatinya pada waktu-waktu tertentu. Semasa hendak berpisah dengan monyet itu, Jamal pun mengeluarkan kata-kata yang penuh dengan perasaan. Binatang pun pandai merindu.(hlm. 130).

' Jamal membawa keluarganya melihat Jambu dari jauh.
Hati Jamal menggila mahu pergi mendapatkan Jambu.
Tetapi dia terpaksa mengawal perasaannya itu takut kalau-kalau akan membangkitkan semula perasaan sayang anak-anaknya terhadap Jambu."(hlm. 131).

Jamal mendidik anak-anaknya supaya menyayangi binatang. Cerpen Khadijah Hashim yang bertajuk "Matinya Si Ayam Betina" (1969)¹⁰⁴ pula menceritakan hal seorang ayah yang menyayangi anak-anaknya telah membunuh seekor ayam dengan marahnya kerana ayam tersebut telah mencakar anaknya. Cerpen ini adalah salah sebuah karya awal Khadijah Hashim, namun beliau telah menulisnya

dengan teknik yang matang. Melewati pembunuhan ayam betina itu, penulis bukan sahaja mengetengahkan kasih sayang ibu bapa terhadap anak-anak, malahan juga menonjolkan persoalan hak binatang dan hak manusia.

Zainal membawa anak tunggalnya Farid balik ke kampung untuk menziarahi ibunya. Farid yang baru berumur dua tahun itu berasa amat gembira apabila ternampak anak-anak ayam yang dibela oleh neneknya. Lalu dia pun mengambil sebatang kayu dan mengejar-ngejar anak-anak ayam itu. Perbuatannya yang tidak berniat jahat itu telah menimbulkan kemarahan ayam betina yang beranak 11 itu lalu mencakar pipi Farid. Farid menangis sekuat-kuatnya kerana kesakitan. Apabila Zainal ternampak luka yang berdarah di muka anaknya, dia merasa amat marah lalu serta-merta dia memukul ayam betina itu. Ayam betina itu sempat melarikan diri, tetapi kemarahan Zainal masih membara. Dia mengeluarkan senapangnya dan ingin menembak mati ayam betina itu. Ibunya menasihatinya supaya jangan berbuat demikian tetapi dia tidak menghiraukannya. Ayam betina itu ditembak mati dan meninggalkan anak-anaknya. Selepas reda kemarahannya, Zainal mulai merasa kesal.

Hairani (isterinya) sayangkan anaknya. Aku? Aku juga sayangkan Farid anak aku. Ibu ayam? Ibu

ayam bagaimana" soalnya pula." Soal itu tidak perlu dijawab. Di manakah letaknya perasaan perikemanusiaan aku ni?" (hlm. 6).

Apabila dia terdengar kata-kata isterinya, dia pun berkata:

"Agaknya binatang pun tahu sayangkan anak ya, Nani!"
"Heh, tentulah. Abang tengoklah saja ayam, harimau, singa. Pendek kata semua binatang-binatang tu sayangkan anak, malah dia jadi semakin garang bila beranak, kerana sayangkan anak. Takut anaknya diganggui oleh binatang-binatang lain, atau manusia . . ." Bunyi anak ayam terngiang-ngiang di telinganya. Dia merasa berdosa kerana memisahkan kasih sayang satu makhluk kepada anak-anaknya." (hlm. 7)

Walaupun karya ini berkisar pada kisah ayam, namun mesej yang ingin disampaikan oleh penulis terkandung dalam kata-kata ibu Zainal semasa dia menulis surat untuk memberitahu Zainal tentang kematian kesemua anak ayam itu. Lain kali, kalau sayangkan anak, jangan pula membunuh orang. Cukuplah dengan ayam betina yang seekor itu . . ." (hlm. 8).

"Sarang Kembali Panas di Musim Bunga" (窩暖
春回) ¹⁰⁵ yang ditulis oleh Chenyan juga menggunakan ayam sebagai watak utama, dan melukiskan kesusahan ayam

yang sedang mengeram telur. Penulis mengambil persahabatan antara ayam dengan itik mengibaratkan keadaan manusia. Di samping memaparkan kehidupan dunia binatang yang aman damai itu, penulis secara tidak langsung turut memberikan ruang bagi pembaca untuk berfikir.

CATATAN

1. Lihat Kajian Terhadap Wanita, hlm. 254. Menurut pendapat penulis buku ini kaum wanita selalu dididikan untuk menurut arahan keluarga, menjaga perasaan orang lain, lebih menitikberatkan perkembangan emosi. Oleh itu, penulis—penulis wanita suka menggambarkan alam emosi dalam karya-karya mereka.
2. Meng Yue (孟悅) dan Dai Jinhua (戴錦華), Voice Emerging into the Foreground of Contemporary Chinese Women's Literature (Fuchu Lishi Dibiao: Zhongguo Xiandai Nuxing Wenxue Yanjiu 漢史地表·中國現代女性文學研究) Taipei: Shibaowen Hua Chuban Qiye Youxian Gongsi, 1993, hlm. 71.
3. Ibid.
4. Lihat Ahmad Kamal Abdullah, Hashim Awang dll., History of Modern Malay Literature Vol II, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 135-146, 221-250.
5. Lihat Jean Baker Miller, New Psychology of Women (trans.) Jiang Huijuan (江惠娟) (Xin Nuxing Xinlixue 新女性心理学) Taipei: Junma Wenhua Shiyeshe Youxian Gongsi, 1988, hlm. 19, 31-32.
6. Carol Gilligan, In a Different Voice: Psychological Theory and Women's Development, Cambridge, Massachusetts: Harvard University Press, 1982, hlm. 17.
7. Feminism: A Reader, hlm. 219.
8. In a Different Voice, hlm. 16-17.
9. The Second Sex, hlm. 642.
10. Ibid., hlm. 643.
11. Muse Tionghoa Moden, hlm. 136.
12. Ibid., hlm. 109-114.

13. Zhao Shuxia (趙淑俠) Cinta Sasterawan Wanita
(Wenxue Níuren de Qingguan 文學女人的情關)
 Taipei : Jiuge Chubanshe, 1992, hlm. 30-31.
14. Fang Ezhen (方娥真) Usia Gadis Masih Muda
(Rizi Zheng Dang Shaonü 女子正当少女) Taiwan
 : Changhe Chubanshe, 1978.
15. Duola (朵拉) 19 Persembahan Cerita Cinta, (Shijiu
Chang Aiqing Yanchu 十九珍愛情演出)
 Taipei : Shitou Chubanshe, 1991.
16. Bertanya tentang Cinta (antologi cerpen), hlm. 1.
17. Chen Die (陳蝶) (Kumpulan Rama-Rama (Die Zhi
Ji 蝶之集)), Kuching : Persatuan Penulis-Penulis
 Tionghoa Sarawak, 1989, hlm. 54.
18. Ibid., hlm. 59.
19. Ibid., hlm. 62.
20. Wanita (antologi cerpen), hlm. 16-28.
21. Khadijah Hashim, Pelangi Pagi, Kuala Lumpur :
 Terbitan 'K' Publishing & Distributors Sdn. Bhd.,
 Edisi Kedua, 1987.
22. Gadis Kurang Siuman Bernama Ah Lian, hlm. 133-158.
23. Salmi Manja, Entah Mengapa Hati-ku Duka, Kuala
 Lumpur : Pustaka Gunung Tahan, 1968.
24. Mawar Merah di Jambangan (antologi cerpen),
 hlm. 36-49.
25. Yang Abadi (antologi cerpen), hlm. 136-154.
26. Li Ziyun (李子雲) Penyucian Jiwa Insan (Jinghua
Ren de Xinling 淨化人的心靈) Beijing :
 Sanlian Shudian, 1984. hlm. 236-237.
27. Antologi Cerpen Penulis-Penulis Wanita Mahua, hlm.
 93-116.
28. Ningxiu (凝秀) Berjalan di Bawah Sinaran Mentari
(Zou Zai Yangguang Xia 走在阳光下) Kuala
 Lumpur : Renhe Chubanshe, 1975, hlm. 102-103.

29. Antologi Cerpen Penulis-Penulis Wanita Mahua, hlm. 221-240.
30. Cenderamata (antologi cerpen), hlm. vii.
31. Anis, Bunga Biru Berbunga di Hati, Kuala Lumpur : Penerbitan Pena Sdn. Bhd., 1978.
32. Salmah Mohsin, Luka Lama Berdarah Kembali, Kuala Lumpur : Amir Enterprise, 1976.
33. Anne Cranny - Francis, Feminist Fiction, Cambridge : Polity Press, 1990, hlm. 177.
34. Zhang Xiaohong (张小虹), Postmodern/ Women: Power Desire and Gender Performance (Hou Xiandai/Nüren:Quanli Yuwang yu Xingbie Biaoyan 权力欲望+性别表演) Taipei : Shibao Wenhua Chuabn Qiye Youxian Gongsi, 1993, hlm. 61.
35. Yiyi (如意) Pemuda Pemudi (Qingchun Ernu 青春男女) Kuching : Borneo Literature Bureau, 1974.
36. Aiwei (爱薇), Cina Lama di Waktu Senja (Luori Guren Qing 老日故人情), Singapore : Wenzue Shuwu, 1984, hlm. 5-28.
37. Mawar Merah di Jambangan (antologi cerpen), hlm. 94-107.
38. Chenyan (晨研) "Pertemuan di Musim Sejuk" (Dongtianli de Shanshu 冬天里的山遇) Nanyang Siang Pau (Nanyang Shang Bao 南洋商报), 30 Jun - 6 Julai, 1982.
39. Puisi ini ditulis oleh penyair dinasti Tang Zhang Ji.
40. Siti Zainon Ismail, Seri Padma (antologi cerpen), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984, hlm. 72-77.
41. Wanita (antologi cerpen), hlm. 83-97.
42. Selamat Tinggal (antologi cerpen), hlm. 1-7.
43. Bai Xue (白雪) dll., Kisah Sekelompok Awan (Yiduo Yun de Gushi 一朵云的故事), (antologi cerpen bersama), Kuching: Biro Kesusasteraan Borneo, 1975, hlm. 59-71.

44. Selamat Tinggal (antologi cerpen), hlm. 59-71.
45. Ibid., hlm. 83-89.
46. Ibid., hlm. 90-94.
47. Ibid., hlm. 95-106.
48. Adibah Amin dll., (阿迪芭阿敏), Cerpen Penulis-Penulis Wanita Malaysia, (Malaixiya Nii Zuoja Duanbian Xiaoshuo Xuan 马来西亚女作家短篇小说选) Beijing : Xiandai Chubanshe, 1993.
49. Hawa (antologi cerpen), hlm. 176-185.
50. Ibid., hlm. 212-213.
51. Gadis Kurang Siuman Bernama Ah Lian (antologi cerpen), hlm. 1-42.
52. Hawa (antologi cerpen), hlm. 58-67.
53. Jia Yan, Peng Xiangyun dll., Antologi Cerpen Yang Terpilih, (Poluozhou Wenhua Ju Dishisijie Zhenwen Yousheng Wenji 罗洲文化局第十四届征文作品集), Kuching : Borneo Literature Bureau, 1973, hlm. 39-95.
54. Hawa (antologi cerpen), hlm. 91-103.
55. Ibid., hlm. 186-198.
56. "Women and Fiction", hlm. 38.
57. Di Hujung Penantian, (antologi cerpen), hlm. 182 - 190.
58. Yingyi (英仪) Hidup Cemerlang (Cuican de Rensheng 生精彩的人生) Singapore : Fengyun Publications, 1985, hlm. 92-103.
59. Sayembara Cerpen Hadiah Esso-GAPENA, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980, hlm. 49-59.
60. Bertanya tentang Cinta (antologi cerpen), hlm. 119-132.

61. Antologi Cerpen Penulis-Penulis Wanita Mahua, hlm. 131-154.
62. Ibid., hlm. 117-130.
63. Bai Xue (白雪) Bukit Hijau (Liise Shangang 绿色山岗) Kuching : Biro Kesusteraan Borneo, 1977.
64. Bertanya tentang Cinta (antologi cerpen), hlm. 11-18.
65. Zhou Yingxiong (周英雄) Sastera Bandingan dan Sastera Cereka (Bijiao Wenxue Yu Xiaoshuo Quanshi 比较文学与小说诠释) Beijing: Beijing University Press, 1990, hlm. 235.
66. Novel D.H. Lawrence Lady Chatterley's Lover dan novel Henry Miller Tropic Of Cancer adalah antara contoh-contohnya.
67. Shahnon Ahmad dalam bukunya Sastera Sebagai Seismograf Masyarakat menegaskan "tema-tema novel dan cerpen zaman ini hampir sama sahaja, iaitu mengisahkan soal-soal jantina yang kadang-kadang terasa amat melulu". Beliau namakan zaman ini "zaman hawa nafsu" (hlm. 369). Lihat juga pendapat Fang Beifang dalam bukunya Sastera Mahua dan lain-lain (Mahua Wenxue ji Qita 马华文学及其他), hlm. 50.
68. Sarjana Feminisme seperti Susan Brownmiller, Barbara Sichtermann, Elaine Showalter selalu mengutarakan pendapat mereka bahawa masyarakat perlu menghormati tubuh wanita dan kaum wanita mempunyai hak untuk menjaga tubuh sendiri.
69. Gadis Kurang Siuman Bernama Ah Lian (antologi cerpen), hlm. 231-261.
70. Siti Zaiton Dimyati, Esok Masih Ada, Kuala Lumpur : Knight Publisher, 1980.
71. Ellen Moers, Literary Women : The Great Writers, New York : Double day, 1976, hlm. 220.
72. The Confucian Analects (论语) adalah sebuah buku yang mencatatkan tingkah laku dan tata tertib Confucius. Ia merupakan kitab yang paling penting bagi Confucianist.

73. Lan Caifeng (藍采鳳) dan Liao Rongli (廖榮利) Peranan Ibu Bapa dan Kehidupan Berumah Tangga (Qinzhi yu Jiating Shenghuo 家庭生活) Taipei : Zhang Laoshi Yuekan She, 1982, hlm. 50-56.
74. Fatimah Busu, Kepulangan, Pulau Pinang : Teks Publishing Sdn. Bhd., 1980.
75. Khadijah Hashim, Jalan ke Kubur, Singapura : Pustaka Nasional, 1969.
76. Segeluk Air (antologi cerpen), hlm. 132-142.
77. Meneruskan Perjalanan (antologi cerpen), hlm. 66-73.
78. Besok (antologi cerpen), hlm. 4-13.
79. Aiwei (艾薇), Cerita Sebuah Pekan, (Xiao Zhen de Gushi 小鎮的故事), Muar : Persatuan Kesusastraan dan Kesenian Melayu Selatan, 1986, hlm. 88-95.
80. Ibid., hlm. 96-99.
81. Segeluk Air (antologi cerpen), hlm. 70-82.
82. Ibid., hlm. 108-119.
83. Ibid., hlm. 120-131.
84. Cenderamata (antologi cerpen), hlm. 103-114.
85. Kaca Keharmonian (antologi cerpen), hlm. 56-65.
86. Cenderamata (antologi cerpen), hlm. 142-150.
87. Pada tahun 1982, dalam satu wawancara antara Simone de Beauvoir dengan Alice Shwarzer, Simone berpendapat rasa persaudaraan sesama wanita akan berkesinambungan, tetapi hubungan cinta akan semakin tipis. Simone sendiri bergiat dengan melibatkan diri dalam gerakan wanita untuk membantu wanita. Teori ini juga boleh dilihat dalam karya-karya Andrienne Rich, Helene Cixous, Julia Kristena dan lain-lain.
88. Untuk maklumat selanjutnya, sila rujuk Angela Davis, Women, Race and Class, London : The Women's

- Press, 1982. dan Mitsuye Yamada, "Asian Pacific American Women and Feminism" dalam C. Morago dan G. Anzal dua (eds.) This Bridge Called My Back : Writings by Radical Women of color, New York : Kitchen Table, 1983.
89. "Women and Fiction", hlm. 36.
90. Cenderamata(antologi cerpen), hlm. 115-124.
91. Lü Xiulian (呂秀蓮) Femenisme Baru (Xin Nüxing Zhuyi 新女性主义) Taipei : Dunli Chubanshe, 1986. hlm. 196.
92. Selamat Tinggal(antologi cerpen),hlm. 72-82.
93. The Second Sex, hlm. 542-543.
94. Dari Siulan Burung-Burung (antologi cerpen), hlm. 29-42.
95. Cenderamata, hlm. 28-37.
96. Ibid., hlm. x-xi.
97. Herb Goldberg, The New Male - Female Relationship, (trans.) Yang Yuesun (楊月孙) (Liangxing Guanxi de Xin Guannian 女性关系的新观念) Taipei : Shuping Shumu Chubanshe, 1986, hlm. 13-19.
98. Shan Wanyun (商晚筠) "Xialihe" (Xia Lihe 夏丽赫) Bulanan Chao Feng (Jiao Feng Yuekan 蕉风月刊) No. 305, Julai 1978, hlm. 65-107.
99. Ranjau-Ranjau di Jalan Raya,(antologi cerpen), hlm. 57-66.
100. Li Meizhi(李美枝),Psikologi Kaum Wanita, (Niixing Xinlixue 女性心理学) Taipei : Dayang Chubanshe, 1984, hlm. 203.
101. Ibid., hlm. 208.
102. Fang Ezhen (方娥真) Pakaian Putih(Bai Yi 白衣), Taipei : Linbai Chubanshe, 1987, hlm. 193 - 223. Cerpen ini tidak dikaji dengan mendalam, kerana diterbitkan pada tahun 1987, manakala period kajian saya ialah antara tahun 1957 - 1982.

103. Cenderamata, hlm. 125-131.
104. Segeluk Air, hlm. 1-8.
105. Chenyan (晨见), "Sarang Kembali Panas di Musim Bunga" (Wo Nuan Chun Hui 福暖春回), Nanyang Siang Pao (Nanyang Shang bao 南洋商报), 15 Okt, 1980.